



PARLIMEN 50 TAHUN

Terdapat Khas Sempena
SAMBUTAN ULANG TAHUN PARLIMEN KE-50



Pusat Sumber Parlimen

No. 44194

15958

M328.595 DIR



0000044194

Direktorl Parlimen 50 tahun terbitan khas sempena
sambutan ulang tahun Parlimen ke-50 tahun 2009.

Direktori
PARLIMEN 50 TAHUN

Terbitan Khas Sempena
Sambutan Ulang Tahun Parlimen Ke-50
Tahun 2009





KETUA PENTADBIR

Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen
50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-20721955 Faks: 03-20727436
www.parlimen.gov.my

Cetakan Pertama 2010

Hak Cipta Terpelihara Parlimen Malaysia 2010

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Direktori Parlimen 50 Tahun

ISBN 123-456-789-111-2

1. Bangunan Parlimen. 2. Dewan Negara. 3. Dewan Rakyat.
 4. Malaysia. Parlimen.
- 328.595.

PENASIHAT

Y. B. Tan Sri Dato' Abu Zahar Ujang
Yang di-Pertua Dewan Negara

Y. B. Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

KETUA PENGARANG

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria
Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

PENYELIDIK/PENULIS

Abdul Rahman Adnan, Ahmad Fauzi Mustafa, Amy Tam Lay Choo, Asri Dato' Adnan, Azeemunnisa Abdul Majid Khan, Badrah Yusof, Halisah Ashari, Jeevaratnam, Kamala Bhaie M.G. Pillai, Mustafar Ramdzuan Zakaria, Najua Ahmad, Rozana Abdullah, Sayani Umar, Sritharan Kuttapan, Ungku Fauzie Ungku A. Rahman dan Wan Noorzaleha Wan Hassan.

PEMBANTU EDITORIAL

Nurul Huda Rahim dan Mohamad Asrol Arpidi

JURUGAMBAR

Abu Bakar bin Hassan

DICETAK OLEH:

Percetakan Watan Sdn. Bhd.

"It shall be out of order to use treasonable words, seditious words, words which are likely to promote feelings of ill-will or hostility between different communities in the Federation or infringe any provision of the Constitution in the Sedition Act, 1948."

Tan Sri Haji Mohammad Hishamuddin
Yang di-Pertua Pertama Parlimen
Simpanan Duit Wajah

KANDUNGAN

PERUTUSAN

- Yang di-Pertua Dewan Negara
- Yang di-Pertua Dewan Rakyat
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia

**BAB 1 LIMA PULUH TAHUN DEMOKRASI BERPARLIMEN:
DARI PERSPEKTIF SEJARAH**

**BAB 2 PROSEDUR PARLIMEN, PANGGILAN MESYUARAT PROROG DAN
PEMBUBARAN PARLIMEN**

BAB 3 BANGUNAN PARLIMEN

BAB 4 DEWAN NEGARA

BAB 5 DEWAN RAKYAT

BAB 6 PARLIMEN PERTAMA (11 September 1959 – 1 Mac 1964)

BAB 7 PARLIMEN KEDUA (18 Mei 1964 – 20 Mac 1969)

BAB 8 DEWAN NEGARA 1959 – 1969

BAB 9 PARLIMEN KETIGA (20 Februari 1971 – 31 Julai 1974)

BAB 10 PARLIMEN KEEMPAT (4 November 1974 – 12 Jun 1978)

BAB 11 DEWAN NEGARA 1970 – 1979

BAB 12 PARLIMEN KELIMA (31 Julai 1978 – 29 Mac 1982)

BAB 13 PARLIMEN KEENAM (14 Jun 1982 – 19 Julai 1986)

BAB 14 DEWAN NEGARA 1980 – 1989

BAB 15 PARLIMEN KETUJUH (6 Oktober 1986 – 5 Oktober 1990)

BAB 16 PARLIMEN KELAPAN (3 Disember 1990 – 6 April 1995)

BAB 17 DEWAN NEGARA 1990 – 1999

BAB 18 PARLIMEN KESEMBILAN (7 Jun 1995 – 11 November 1999)

BAB 19 PARLIMEN KESEPULUH (20 Disember 1999 – 4 Mac 2004)

BAB 20 DEWAN NEGARA 2000 – 2009

BAB 21 PARLIMEN KESEBELAS (17 Mei 2004 – 13 Februari 2008)

BAB 22 PARLIMEN KEDUA BELAS (28 April 2008 – Kini)

BAB 23 TALIAN PERSAUDARAAN

BAB 24 DAHULU DAN SEKARANG



KATA ALU-ALUAN

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

TAHNIAH di atas kelahiran Direktori 50 Tahun Ahli Parlimen Malaysia sempena sambutan Jubli Emas Parlimen Malaysia. Daya usaha menerbitkan Direktori ini amat dialu-alukan bagi mengingati dan menghargai jasa Ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Negara dari Parlimen Pertama hingga Parlimen Keduabelas.

Malaysia telah melalui sejarah dan arus perubahan yang pesat untuk menjadi sebuah negara yang matang dari segi pembangunan khususnya sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk yang pelbagai bangsa, keturunan, adat resam, budaya dan agama. Namun dalam kemajmukan itulah tersimpul perpaduan yang mencorakkan satu masyarakat Malaysia yang berjiwa Malaysia. Gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan adalah yang bertunjangkan perpaduan rakyat dan amat penting untuk membina Negara masa kini dan akan datang bagi memastikan keharmonian, kemakmuran dan ketenteraman negara dapat terus dikecapi oleh setiap rakyat.

Direktori Ahli Parlimen ini menggambarkan transformasi kepimpinan dan perubahan landskap politik negara. Bagitupun asasnya, institusi Parlimen terus kukuh dan dihormati dalam membina negara. Direktori ini menjelaki sejarah perkembangan negara sejajar dengan perkembangan institusi Parlimen. Semoga Direktori ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada generasi masa kini tetapi juga generasi Malaysia di masa yang akan datang.

Sejambak budi, setulus bakti, jasa terpahat di hati, segar mewangi dilipatan sanubari.

Tahniah dan syabas.

Y.B. Tan Sri Dato' Abu Zahar Ujang



KATA ALU-ALUAN

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera

PUJI dan syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinan-Nya Parlimen Malaysia dapat menerbitkan Direktor Parlimen Malaysia sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-50 pada tahun lepas. Adalah menjadi harapan saya agar Direktori Parlimen Malaysia ini akan memuatkan segala peristiwa penting yang berlaku sejak sesi pertama Parlimen berlangsung pada 11 September 1959 sehingga kini. Paparan peristiwa ini perlu bukan sahaja untuk tujuan memberikan maklumat dan pengetahuan sebagai rujukan umum, tetapi juga bagi menimbulkan kesedaran bahawa Institusi Parlimen ini perlu terus dipertahankan demi kepentingan rakyat dan Negara yang tercinta ini.

Namun begitu, hasrat dan harapan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan semua rakyat Malaysia. Justeru, semua pihak terutamanya Ahli-Ahli Dewan Rakyat masa kini perlulah terus berpegang dan menjunjung Sistem Demokrasi Berparlimen yang telah diperjuangkan oleh Ahli-Ahli Dewan Rakyat terdahulu.

Selari dengan sumbangan besar yang telah diberikan oleh Ahli-Ahli Parlimen terdahulu, saya berharap agar dokumen ini dianggap sebagai suatu bentuk penghargaan dan penghormatan kepada mereka dan bukannya diilhat sebagai catatan dokumentasi peristiwa penting persidangan Parlimen sernamata.

Mudah-mudahan, dokumen ini akan menjadi sebahagian daripada koleksi naskah sejarah negara yang akan memberi manfaat kepada semua pihak terutamanya sebagai bahan rujukan pada masa depan.
Sekian.

Salam 1 Malaysia

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Pandikar Amin Haji Mulia



KATA ALU-ALUAN

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1Malaysia**

SAYA mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, Direktori Parlimen Malaysia ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Era globalisasi hari ini menuntut masyarakat memperkasa pemikiran mereka dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan untuk menguasai pelbagai kepakaran hingga berupaya mencetuskan idea yang lebih kreatif dan inovatif. Justeru, penerbitan buku ini adalah tepat pada waktunya, memandangkan Malaysia kini dalam proses transformasi melangkah ke alam masyarakat bermaklumat dan amat memerlukan pelbagai bahan bacaan untuk ditelaah dan dihayati oleh segenap lapisan masyarakat.

Namun dalam kesibukan membawa satu transformasi budaya dan reformasi pemikiran, kita tidak harus lupa akan akar warisan dan tunjang tamadun bangsa yang perlu disemai dan dipupuk dalam kalangan setiap generasi muda untuk membentuk perpaduan dan merealisasikan aspirasi 1Malaysia. Penerbitan naskah penting ini merupakan satu lagi bentuk ilmu yang disampaikan secara bermartabat dan artistik sebagai hadiah Parlimen Malaysia sempena menyambut ulang tahunnya yang ke-50.

Saya menganggap baik usaha untuk merekodkan perjalanan penubuhan serta pentadbiran Parlimen, yang menggabungkan pelbagai aspek sejarah dan peristiwa penting, bermula daripada perasmianya pada 11 September 1959 hingga ke hari ini. Keunggulan Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan menjadi mercu tanda negara, dimeterai dalam bahasa yang ringkas dan mudah difahami beserta suntikan imejan yang penuh nostalgia bagi pejuang negara dan perlu dihayati dengan penuh iltizam oleh generasi muda. Semoga penerbitan buku ini mampu memperbetulkan salah tanggapan sesetengah pihak berkaitan tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh Parlimen dalam sistem demokrasi di Malaysia di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar naskah penting ini dapat memanfaatkan rakyat Malaysia dan ditarik bersama khazanah-khazanah literatur bangsa lain demi memartabatkan negara bangsa.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan buku ini dan berharap naskah ini akan menjadi khazanah warisan yang tidak ternilai harganya kepada seluruh rakyat Malaysia.

Salam hormat,

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz



KATA ALU-ALUAN

KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Hormat dan
Salam 1Malaysia**

SAYA memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, rentetan peristiwa 50 tahun penubuhan Parlimen Malaysia dapat dimeterai dalam bentuk penulisan akhirnya.

Walaupun fokus Direktori Parlimen Malaysia sekadar menambah koleksi bacaan ringan yang perlu dippunyai oleh segenap lapisan masyarakat, dalam masa yang sama, implikasi terhadap apa yang cuba dipaparkan mampu memperkuuh pengetahuan pembaca terhadap konsep Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Proses penerbitan naskah ini membawa kami menerokai pelbagai peristiwa dan sejarah yang mencetus inspirasi untuk menzahirkannya dalam nada yang ringkas dan mudah difahami. Selain terjalin sebagai sumber khazanah literatur, buku ini merupakan suatu rekod umum terhadap sumbangan Parlimen Malaysia dalam memartabatkan sistem demokrasi berparlimen yang menjadi medan perbahasan dan perbincangan dalam merangka rang undang-undang dan meluluskan bajet tahunan.

Dalam menempa 50 tahun akan datang, kami bertekad untuk terus memantapkan lagi sistem pengurusan dan pentadbiran Parlimen Malaysia, membentuk persekitaran yang lebih responsif dan kompetitif serta mampu berdaya saing di persada antarabangsa pada kelas yang tersendiri. Semoga tekad ini akan menjadi pemangkin efektif dan pencerna hidup pembaca khazanah negara ini dalam mengharungi suasana sosio-politik yang mencabar pada era globalisasi ini. Perbezaan ejaan negeri, kawasan, kementerian dan lain-lain adalah berdasarkan kepada ejaan yang terdapat dalam Hansard.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan penerbitan naskah ini. Semoga penerbitan penting ini akan memberi impak positif dalam kalangan pembaca dan mampu menambah nilai khazanah terbitan negara.

Sekian, terima kasih.

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria



BAB 1

LIMA PULUH TAHUN DEMOKRASI BERPARLIMEN: DARI PERSPEKTIF SEJARAH

*M*alaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara. Hari yang paling bersejarah ialah 11 September 1959 apabila Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Pertama diadakan. Pembukaan rasmi Parlimen Persekutuan dwi-dewan (bicameral) yang mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara merupakan titik permulaan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dan diwakili oleh rakyat. Pembentukan Parlimen berdemokrasi bermula di Malaya sejak 1867 apabila Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat ditubuhkan.

Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat

Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat ditubuhkan pada 1867 berikutan perpindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Singapura dan Melaka) dari Syarikat India Timur Inggeris ke Pejabat Kolonial di London. Ini dibuat atas desakan pedagang British yang tidak puas hati kerana tidak diberi kuasa dalam proses membuat keputusan. Majlis Perundangan ini merupakan institusi pertama di negara ini yang mengadakan perbahasan dan perbincangan dan mempunyai ciri-ciri Parlimen yang berdemokrasi.

Sebelum Majlis ditubuhkan, undang-undang yang dikuatkuasakan di Negeri-negeri Selat diluluskan di Calcutta tanpa perwakilan dari Negeri-negeri Selat. Pada masa itu tidak wujud konsep pengasingan kuasa, suatu aspek yang merupakan amat penting bagi sesebuah demokrasi yang matang.

Gabenor yang mempunyai kuasa yang penuh untuk memerintah Negeri-negeri Selat. Beliaulah yang mempengerusikan mesyuarat Majlis Perundangan. Walaupun Kerajaan pada masa itu tidak bertanggungjawab kepada masyarakat mengikut lunas-lunas demokrasi, Kerajaan sedar betapa perlu dan penting untuk mengambil kira pandangan masyarakat yang bermiaga. Oleh yang demikian ahli-ahli tidak rasmi dibenarkan turut menyertai Majlis Perundangan yang baru ditubuhkan itu bagi mewakili kepentingan komersil.

Pada mulanya, semua ahli tidak rasmi dalam Majlis Perundangan yang ditubuhkan terdiri daripada orang Eropah. Pada 1869 Tan Cheng Lock dari Melaka telah dilantik sebagai Ahli Majlis. Semasa menjadi ahli Majlis, beliau telah membantah beberapa dasar British di Tanah Melayu. Antaranya, beliau berpendapat pelantikan majoriti ahli rasmi dan ahli tidak rasmi majlis Perundangan sebagai sesuatu yang tidak berdemokratik dan tidak adil. Beliau juga tidak dapat menerima pembahagian negara kepada entiti yang berasingan – iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.

Tan Cheng Lock – Ahli Majlis Pertama dari Tanah Melayu yang bukan berbangsa Eropah yang dilantik oleh British ke Majlis Perundangan pada 1869



Negeri – negeri Selat

Setelah mengukuhkan kedudukan di Negeri-negeri Selat, British seterusnya berusaha untuk menguasai negeri-negeri Melayu yang ketika itu sedang diperintah oleh Sultan. Bagaimanapun mereka ditentang kuat oleh orang Melayu dan peristiwa itu telah menyedarkan pihak British bahawa sebelum memperkenalkan sesuatu dasar, sangat penting bagi mereka berunding dan mendapat pandangan orang tempatan terlebih dulu.

Untuk tujuan tersebut, Majlis Negeri telah ditubuhkan di Perak dan Selangor pada 1877, diikuti dengan Negeri Sembilan dan Pahang pada 1880. Walaupun ditubuhkan sebagai badan penasihat, Majlis Negeri juga menjalankan fungsi-fungsi perundangan serta eksekutif. Ahli yang menganggotai Majlis Negeri terdiri daripada orang Melayu, China dan Eropah. Orang Melayu adalah dari kaum kerabat diraja,

manakala yang lainnya mewakili golongan pedagang. Majlis seolah-olah tidak mempunyai kuasa kerana rang undang-undang atau perkara penting perlu mendapatkan persetujuan dan kelulusan Gabenor yang tinggal di Singapura.

Negeri Melayu Bersekutu Dan Majlis Mesyuarat Persekutuan

Pada 1896 Negeri-negeri Melayu iaitu Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang membentuk satu gabungan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perkembangan ini sangat penting sebagai persediaan asas ke arah pembentukan satu sistem Kerajaan Persekutuan bagi seluruh negara. Sebelum bergabung tidak ada satu badan perundangan yang menyediakan, menyelaras dan menyeragamkan undang-undang yang diguna pakai oleh keempat – empat buah negeri.

Selepas bergabung, penasihat undang-undang dari

negeri-negeri menyediakan draf undang-undang yang dibincangkan terlebih dulu dengan Residen Jeneral sebelum diserahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Bersekutu yang juga Gabenor Negeri-negeri Selat. Draf itu kemudiannya dihantar kepada Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Tanah Jajahan di London untuk kelulusan muktamad.

Pada 1909 sebuah badan perundangan pusat iaitu Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan untuk mentadbirkan empat buah negeri sebagai satu entiti. Majlis Mesyuarat Persekutuan mengikut model Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat dan ditubuhkan atas inisiatif Sir John Anderson, Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu. Kesemua empat orang Sultan menganggotai Majlis Mesyuarat Persekutuan bersama dengan Residen Jeneral, empat orang Residen British dan empat orang ahli tidak rasmi.

Antara 1909 dan 1914, negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor secara individu diletakkan di bawah pemerintahan British. Masa berlalu dan Sultan-Sultan Melayu daripada empat negeri berkenaan menuntut supaya kuasa dan pengaruh dikembalikan kepada mereka yang sebelumnya autonomi dalam pentadbiran hal ehwal negeri.

Pada 1927, sultan Negeri-negeri Melayu Bersekutu keluar dari Majlis. Berikutan itu, pihak British telah menyusun semula Majlis dengan menambah keanggotaan supaya menjadi lebih seimbang iaitu 13 orang ahli rasmi dan 11 orang ahli tidak rasmi. Walaupun berundur dari Majlis, Sultan-Sultan Melayu meneruskan pengaruh melalui Persidangan Raja-Raja. Perlembagaan ini menjadi titik tolak kepada sejarah berperlembagaan negara kerana kerabat diraja tidak lagi terbabit dalam hal ehwal pentadbiran negeri, justeru membuka laluan untuk menaikkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai pemegang kuasa tertinggi dalam Pasca Merdeka Tanah Melayu. Apabila perang meletus pada akhir 1941, kedua Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat serta Majlis Mesyuarat Persekutuan dibubarkan.

Perkembangan Badan Perundangan Pasca Perang Tanah Melayu

Perubahan yang pantas berlaku semasa pasca perang Tanah Melayu, iaitu badan perundangan telah berkembang daripada sebuah badan penasihat pada 1946 menjadi sebuah institusi Parlimen sepenuhnya pada 1959.

Perang Jepun menyaksikan masalah besar dalam pembangunan Perlembagaan. Apabila British menduduki semula Tanah Melayu pada Ogos 1945, mereka menubuhkan Pentadbiran Tentera British yang memerintah negara selama enam bulan. Negara yang pada satu masa terbahagi kepada tiga unit politik iaitu Negeri-Negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Tidak Bersekutu tidak lagi wujud.

Pentadbiran awam diwujudkan semula dalam masa beberapa bulan sahaja, dan Malayan Union ditubuhkan pada 1946. Di bawah Malayan Union terdapat sebuah Majlis Perundangan terdiri daripada Gabenor British berperanan sebagai Presiden, tiga orang ahli ex-officio iaitu Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan, ahli rasmi tidak melebihi 18 orang dan anggota tidak rasmi yang dicalonkan tidak melebihi 21 orang.

Konsep Malayan Union mendapat tentangan daripada orang Melayu dan gagal dilaksanakan, dan satu bentuk kerajaan baru telah dipertimbangkan. Sementara itu, sebuah Majlis Penasihat mengandungi 15 orang Ahli ditubuhkan. Berbeza dengan Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat atau Majlis Mesyuarat Persekutuan Pra-Peperangan Tanah Melayu, Majlis Penasihat mewakili kesuluruhan negeri Tanah Melayu kecuali Singapura. Buat pertama kalinya, 13 orang wakil dari semua negeri Melayu dan dua dari negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka) bersama-sama bermesyuarat dalam Majlis. Majlis hanya berfungsi selama dua tahun sehingga 1948, apabila Malayan Union menjadi Persekutuan Tanah Melayu.


THE FEDERATION OF MALAYA AGREEMENT, 1948.

AGREEMENT DATED the twenty-first day of January, 1948, AND MADE BETWEEN Sir GERARD EDWARD JAMES GENT, K.C.M.O., D.S.O., O.B.E., M.C., on behalf of HIS MAJESTY and His Highness IBRAHIM ibni Almarhum Sultan ABU BAKAR, D.K., S.P.N.J., G.C.M.G., K.N.E. (Mil.), O.B.E., G.C.O.C. (I), Sultan of the State and Territory of JOHORE, His Highness ABU BAKAR RI'AYATUD-DIN AL-MUADZAM SILAH ibni Almarhum ALMU'TASIM BI'LLAH ABDULLAH, K.C.M.O., Sultan of the State of PAHANG, His Highness TUANKU ABDUL RAHMAN ibni Almarhum TUANKU MUHAMMAD, K.C.M.O., the Yang di-Pertuan Besar, and the Ruling Chiefs of the Territories which form the State known as the NEGRI SEMBILAN, His Highness HISAMUDDIN ALAM SHAH ibni Almarhum Sultan ALA-JIDDIN SULAIMAN SHAH, K.C.M.G., Sultan of the State of SELANGOR, His Highness Puduka Sri Sultan ABDUL AZIZ ALMU'TASIM BILLAH SHAH, K.C.M.O., K.B.E., Sultan of the State of PERAK, His Highness TUNKU BADILISHAH ibni Almarhum Sultan ABDUL HAMID HALIMSHAH, K.C.M.G., K.B.E., Sultan of the State of KEDAH, His Highness SYED PUTRA ibni Almarhum SYED HASSAN JAMALULLAIL, the Rajah of PERLIS, His Highness TENGKU IBRAHIM ibni Almarhum Sultan MOHAMED IV, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., C.N.O., Sultan of the State of KELANTAN, and His Highness Sultan ISMAIL, ibni Almarhum Sultan ZAINAL ABIDIN, C.M.G., Sultan of the State of TRENGGANU for Themselves and Their Successors:

WHEREAS it has been represented to His Majesty that fresh arrangements should be made for the peace, order and good government of the Malay States of Johore, Pahang, Negri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Kelantan and Trengganu, the Settlement of Penang and the Settlement of Malacca;

AND WHEREAS His Majesty in token of the friendship He bears towards Their Highnesses, the subjects of Their Highnesses, and the inhabitants of the Malay States, is pleased to make fresh arrangements as aforesaid to take effect on such day as His Majesty may, by Order in Council, appoint (hereinafter called "the appointed day"):

AND WHEREAS His Majesty has accordingly entered into a fresh Agreement with each of Their Highnesses and in the case of Negri Sembilan with His Highness the Yang di-Pertuan Besar and the Ruling Chief (which Agreements are hereinafter referred to together as "the State Agreements") for the purpose of ensuring that power and jurisdiction shall be exercised by Their several Highnesses in their several States and it is in each of such Agreements provided that it shall come into operation on the appointed day:



Majlis Perundangan Persekutuan 1948 – 1957



Sebahagian daripada Ahli Majlis Persekutuan pada hari perasmian Majlis Persekutuan pada 3 September 1953 (Gambar NST)


Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada Ketua Setiausaha, Setiausaha Kewangan, Peguam Negara, sembilan Presiden dari Majlis Negeri Melayu, seorang wakil dari negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan seorang dari Melaka, 11 Ahli rasmi dan 50 Ahli tidak rasmi.

Penubuhan Majlis merupakan satu petanda negara akan menuju ke arah mencapai kemerdekaan. Seramai 75 orang ahli Majlis Perundangan Persekutuan mengambil tempat mereka pada 24 Februari 1948. Inilah pertama kalinya negara mempunyai satu badan perundangan dengan majoriti Ahli tidak rasmi. Walaupun Ahli tidak rasmi bukan dilantik melalui undian, mereka membentuk dua pertiga majoriti, dan mewakili rakyat Tanah Melayu secara keseluruhannya. Ada Ahli yang mewakili kepentingan khas (seperti sektor industri utama getah, timah dan pertanian), kumpulan minoriti, kumpulan pekerja serta golongan wanita di Tanah Melayu. Perkembangan ini menandakan satu peringkat yang penting dalam sejarah Perlembagaan Tanah Melayu, kerana kriteria pelantikan Ahli tidak rasmi ke dalam Majlis tidak lagi dipengaruhi oleh pelantikan pada tahun sebelum itu.


Sistem Ahli

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu juga memperuntukkan penubuhan Majlis Eksekutif Persekutuan, pelopor kepada Kabinet hari ini. Sistem separa menteri diperkenalkan. Sembilan orang Ahli yang dilantik dari Majlis Eksekutif Persekutuan telah diberikan tanggungjawab menguruskan pelbagai kementerian dan jabatan. Apabila Majlis Eksekutif Persekutuan bermesyuarat pada April 1951, sembilan orang ahli ini hadir sebagai Ahli Rasmi dan menjalankan tugas yang sama seperti mana Menteri hari ini.

Ini merupakan perkembangan yang penting dalam perjalanan menuju kemerdekaan, kerana sistem ini bertujuan mempersiapkan mereka bagi memikul tanggungjawab sebagai barisan kepimpinan Tanah Melayu yang baru merdeka. Bermula 2 September 1953, Pesuruhjaya Tinggi telah memberi laluan kepada Dato' Sir Mahmud bin Mat untuk menjalankan tugas barunya sebagai Yang di-Pertua Dewan yang pertama. Bersempena dengan peralihan ini, Sultan-Sultan telah mengurniakan cokmar kepada Majlis ini yang melambangkan ketinggian kuasa dan prestijnya. Sehingga kini, cokmar ini masih digunakan di Parlimen.



◀ Gambar Cokmar bertarikh 1953



◀ Gambar Cokmar bertarikh 2009

Pilihan Raya Umum 1955

Pada 1955 rakyat mengundi untuk pertama kalinya bagi memilih wakil-wakil mereka dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Ini adalah satu pencapaian yang besar bagi demokrasi berparlimen, kerana hanya selepas pilihan raya sahaja barulah kita mempunyai Majlis Perundangan yang majoriti ahlinya dipilih oleh rakyat. Dalam pilihan raya umum pada 1955, parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Tunku sebagai Ketua Menteri dan Presiden Majlis, dan ahli Perikatan mempunyai kuasa penuh ke atas Majlis Perundangan Persekutuan.

Pilihan raya ini membolehkan pemindahan

sebahagian besar tanggungjawab kerajaan kepada wakil-wakil rakyat yang dipilih. Tunku telah melantik Raja Sir Tun Uda bin Raja Muhammad sebagai yang di-Pertua Dewan yang baru. Mesyuarat pertama bagi Majlis yang baru ditubuhkan ini telah diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Walaupun Majlis Perundangan sebahagian besar dikuasai oleh ahli Parti Perikatan, majoriti ahli dalam majlis Eksekutif terdiri daripada pegawai-pegawai British. Pesuruhjaya Tinggi masih mempunyai kuasa untuk menolak perundangan, kerana hakikatnya Tanah Melayu masih belum mencapai kemerdekaan.



► Tunku Abdul Rahman sedang memberi ucapan kepada seramai 5,000 penyokong Perikatan pada malam sebelum Pilihan raya Persekutuan tahun 1955

Representatives of political parties contesting the Elections answering questions sent in by listeners at a round table discussion broadcast by Radio Malaya



MALAYA IS OUR COUNTRY



An Information Department poster on registration for Elections



An Alliance supporter speaking in support of Mr. Lee Tian Hin who contested the Alor Star constituency

Pilihan raya Persekutuan tahun 1955



▲ Penduduk-penduduk Kampong Kelawah di Kelantan sedang mendaftar sebagai pengundi pada tahun 1955



◀ Gambar yang diambil di pusat Pilihan raya Latah di kawasan Kinta Utara semasa Pilihan Raya Persekutuan tahun 1955. Beberapa orang Asli turut mengundi



Report
on the
**First Election of Members
to the Legislative Council**
of the
FEDERATION OF MALAYA

By
T. E. SMITH
(SUPERVISOR OF ELECTIONS)

Price : \$2.00

Laporan Pilihan Raya tahun 1955

Borang Pendaftaran
sebagai pemilih

APPENDIX C

This Form is free of charge
Borang ini tidak di-kenakan bayaran

FORM A
BORANG A

[Regulations 7 (2) and 12 (2)]
[Peraturan-peraturan 7 (2) dan 12 (2)]

THE REGISTRATION OF ELECTORS REGULATIONS, 1954
PERATORAN-PERATORAN PENDAFTARAN PEMILEH-PEMILEH TAHUN 1954

APPLICATION TO BE REGISTERED AS AN ELECTOR IN A STATE
PERMOHONAN MENDAFTARKAN DIRI SEBAGAI PEMILEH DALAM
NEGRI MELAYU

Qualifying date 17th October, 1954.

Registration commences on 18th October, 1954, and ends on
16th November, 1954.

Tarikh kelayakkan—17 Oktober, 1954.

Pendaftaran di-mulai pada 18 Oktober, 1954, dan di-tamatkan
pada 16 November, 1954.

To THE REGISTERING OFFICER,
Kepada Pegawai Pendaftaran,
Kawasan Mengundi

I apply to have my name entered in the register of:

Saya memohon supaya nama saya akan di-masukkan ke-dalam Daftar:

- *(a) Federal electors for the Federal constituency of.....
- *(a) Pemilih-pemilih Persekutuan kerana Bahagian Pemilihan Persekutuan
- *(b) State electors for the State constituency of.....
- *(b) Pemilih-pemilih Negeri Melayu kerana Bahagian Pemilihan Negeri

1. My full name is.....
1. Nama saya yang penuh ia-lah
(Use BLOCK CAPITALS: Surname, if any, first; Muslims and Tamils should also give father's or husband's name).
(Pakai HURUF BESAR: beri nama Keluarga dahulu, jika ada; orang Islam dan India hendak-lah memberi nama bapa atau suami-nya).
2. My address is:
2. Alamat saya ia-lah:

(Give full residential address; persons living in rural areas should state their kampong and mukim).
(Beri alamat yang penuh: orang yang tinggal di-kampong hendak-lah memberi nama Kampong dan Mukim seball).

3. My sex is.....(Male or Female).
3. Jenis saya ia-lah (Laki-laki atau Perempuan).
4. My Identity Card No. is.....
4. Bilangan Kard Pengesahan saya ia-lah

5. I was born at.....
5. Saya telah di-peranahkan di.....

(Give name of place of birth and State or Settlement of birth if born in the Federation of Malaya; otherwise give country of birth).
(Jika lahir di-peranahkan di-Persekutuan hendak-lah beri nama tempat di-peranahkan dan nama Negeri Melayu atau Negeri Selat di-mana ia-nya di-peranahkan; jika lahir bukan di-Persekutuan beri nama Negeri itu).

6. On the qualifying date I had attained the age of 21 years and during the six months immediately preceding that date, I had been ordinarily resident—

6. Pada tarikh kelayakkan saya telah berumur 21 tahun dan dalam masa enam bulan sabelum tarikh itu saya biasa-nya telah tinggal—

- (a) at the above address or (b) at:
(a) di-alamat tersebut di-atas, atau (b) di-:

(State address if different from that given in paragraph 6).
(Beri alamat-nya jika lain daripada yang di-sebutkan di-paragraf 6).

(53)

Menteri-menteri dibawah sistem Ahli

AHLI

Dato' Onn bin Jaafar

PORTFOLIO

Hal-Ehwal Dalam Negeri

Dr. Lee Tiang Keng

Kesihatan

Dato' E.E.C. Thuraisingham

Pelajaran

Dato' Nik Ahmad Kamil

Kerajaan Tempatan, Perumahan dan
Perancang Bandar

Kolonel H.S.Lee

Pengangkutan

Dr. Ismail Abdul Rahman

Hasil Bumi


Mustafa Albakri Hassan

Perhubungan Industri dan Masyarakat

V.M.N. Menon

Pos dan Telekom

Sumber : Laporan Persidangan Majlis Perundangan Persekutuan, Kuala Lumpur, 18 Ogos 1954



Tunku Abdul Rahman bersama Pesuruhjaya Tinggi British Sir Donald MacGillivray dan Ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu 1955.

Duduk dari Kiri: C. T. Thomas, Kol. H .S. Lee, Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri), Sir Donald Mac Gillivray (Pesuruhjaya Tinggi, D.C. Watherston, M.J. Hogan dan Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman.

Berdiri dari Kiri: Dato' Abdul Razak, O.Spencer, Abdul Aziz; A.H.P.Humphrey, Sulaiman Dato' Abdul Rahman, V.T. Sambanthan, Sardon Jubir, Leong Yew Koh, Ong Yoke Lin dan Too Joon Hing (Gambar Arkib Negara Malaysia)

Perlembagaan Baru Untuk Tanah Melayu

British telah bersetuju dengan cadangan Tunku bahawa Perlembagaan bagi Tanah Melayu yang benar-benar merdeka dan berdaulat perlulah digubal oleh badan bebas yang terdiri daripada pakar undang-undang dari negara-negara Komanwel diketuai oleh Right Honourable Lord Reid. Bakal pemimpin-pemimpin negara yakin bahawa demokrasi berparlimen yang berpandukan model Westminster adalah yang terbaik bagi negara ini.

Parti Perikatan turut menyarankan Majlis Perundangan Persekutuan ditukar daripada sistem satu dewan kepada dua dewan yang terdiri daripada Dewan Negara atau Senat (Upper House) dan Dewan Rakyat atau Dewan Perwakilan (Lower House). Draf Perlembagaan telah dibahaskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada 10 Julai 1957 dan menerima cap mohor Majlis Raja-raja pada 5 Ogos 1957.

Kemerdekaan Tanah Melayu dan Parlimen Baru

Walaupun negara telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Parlimen baru mengikut peruntukan Perlembagaan tidak dapat dilaksanakan tanpa mengadakan pilihan raya terlebih dahulu. Manakala pilihan raya pula hanya boleh diadakan setelah Majlis mempersiapkan asas-asas perundangan bagi pilihan raya itu tersebut. Berikutan itu, Suruhanjaya Pilihan Raya telah ditubuhkan selepas merdeka dan tanggungjawab menentukan sempadan kawasan Parlimen dan menyediakan senarai pengundi.

Sementara itu, Majlis Perundangan Persekutuan terus wujud sebagai Parlimen satu dewan sehingga dibubarkan pada 27 Jun 1959, dua bulan sebelum pilihan raya umum. Pada 11 September 1959, tertubuhlah Parlimen baru dan pada hari bersejarah itu bermulalah sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di tanah air yang merdeka. Bahasa Melayu digunakan dalam perundangan persekutuan, bersama-sama dengan Bahasa Inggeris.

Kemerdekaan Tanah Melayu dan Parlimen Baru

Sembilan Raja Melayu yang telah menandatangani Perlembagaan Persekutuan pada 5 Ogos 1957



DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan



DYMM Sultan Selangor



DYMM Sultan Perak



DYMM Sultan Pahang



DYMM Sultan Kelantan



DYMM Sultan Kedah



DYMM Raja Perlis



DYMM Sultan Johor



DYMM Sultan Terengganu




Kabinet sebelum Merdeka pada 1957.

Duduk dari kiri: Aziz Ishak, V.T. Sambanthan, Abdul Razak Hussein, Tunku Abdul Rahman (Ketua Menteri), Kol. H.S. Lee, Abdul Rahman bin Yassin dan Sardon Jubir.

Berdiri dari kiri: Ong Yoke Lin, Abdul Rahman Talib, Tan Siew Sin dan Bahaman Samsudin.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Penggubalan Perlembagaan ini telah diterima sebulat suara oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan bersetuju bahawa Sistem Demokrasi Berparlimen berpandukan model Westminster adalah yang terbaik bagi negara ini. Berikutan pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, negara buat pertama kalinya mempunyai lambang tumpuan taat setia iaitu Ketua Negara bergelar Yang di-Pertuan Agong. Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad telah dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong ialah seorang Raja berperlembagaan yang dipilih oleh Majlis Raja – Raja.



DYMM Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad diiringi masuk ke Dewan Tunku Abdul Rahman dalam istiadat pertabalananya

Majlis Perundangan Persekutuan menjalankan tanggungjawab sebagai sebuah Dewan Parlimen sehingga dewan dibubarkan pada Jun 1959. Berikutan Pilihan Raya Umum Pertama selepas merdeka yang diadakan pada 19 Ogos 1959, satu sistem Parlimen dua dewan mengandungi institusi Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah dibentuk. Pilihan raya ini juga merupakan yang pertama diadakan di bawah pemantauan sebuah Suruhanjaya Pilihan Raya bebas yang ditubuhkan di bawah Perkara 113-120 Perlembagaan Malaya 1957.



Orang ramai keluar untuk mengundi pada Pilihan Raya tahun 1959

Persempadan Kawasan Parlimen

Persediaan awal yang paling penting sebelum mengadakan pilihan raya – persempadan kawasan Parlimen dan kajian secara besar-besaran bagi senarai pemilih, telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada tahun 1958. Selepas itu, pada tahun 1959, sejurus pembubaran Majlis Negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan, arahan bagi mengadakan pilihan raya telah dikeluarkan kepada Dewan-dewan Undangan Negeri pada beberapa tarikh dalam bulan April 1959 dan bagi pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat pada 1 Julai 1959. Hari mengundi bagi pilihan raya Dewan Undangan Negeri adalah pada bulan Mei dan Jun, manakala bagi Dewan Rakyat adalah pada 19 Ogos 1959.

Pembahagian Kawasan Parlimen and Daerah Pengundian

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah menjalankan pilihan raya ke Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri dan membuat pembahagian kawasan bagi Persekutuan dan Negeri-negeri dan menyedia serta menyemak daftar-daftar pemilih bagi pilihan raya itu. Perkara 116 Perlembagaan memperuntukan kepada Suruhanjaya untuk membuat persempadan 100 kawasan Parlimen dalam negeri-negeri di mana pembahagiannya dibuat mengikut prinsip-prinsip jelas yang telah ditetapkan.

Keanggotaan Majlis Perundangan yang telah dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 27 Jun 1959, terdiri daripada 52 orang ahli yang dipilih. Oleh itu, semestinya pihak Suruhanjaya akan mewujudkan 104 kawasan Parlimen yang baru dari 52 kawasan yang diwakili oleh anggota Majlis sebelum ini. Wakil dari 104 kawasan yang baru inilah yang membentuk Dewan Rakyat.

Sehubungan itu, pada tahun 1958, pihak Suruhanjaya telah membahagikan 52 kawasan Parlimen yang sedia ada kepada 104 kawasan yang baru yang dibahagikan sebaik mungkin untuk mewujudkan keseimbangan populasi dalam kawasan yang baru itu. Walau bagaimanapun, disebabkan terbatas oleh persempadan kawasan yang sedia ada, objektif ini sukar dicapai. Perlu diingatkan bahawa ketika persempadan kawasan yang terdahulu dibuat pada tahun 1954, Suruhanjaya Persempadan Pilihan Raya pada ketika itu telah menggunakan pakai, berdasarkan apa yang ada, anggaran populasi yang telah disediakan pada tahun 1953, dan berdasarkan angka buncian 147. Anggaran ini tidak mengambil kira pembahagian semula populasi berikutan keadaan Darurat, dan angka sebenar populasi di pelbagai kawasan yang berubah kemudiannya. Tambahan pula, kawasan terdahulu yang telah digariskan oleh Suruhanjaya Persempadan Kawasan pada tahun 1954 adalah berdasarkan angka populasi sahaja tanpa mengambil kira variasi peratusan rakyat di setiap kawasan. Perbezaan yang lebih ketara adalah pada angka-angka pengundi yang berdaftar.

Pembentukan Malaysia


Tiga tahun selepas Malaya mencapai kemerdekaan dari Britain pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman telah mengutarakan idea pembentukan Malaysia. Pada tahun 1961 usul untuk menyatukan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan

Singapura oleh Tunku Abdul Rahman diluluskan oleh Dewan Rakyat dan pada 18 Oktober 1961 pertemuan diadakan antara Tunku Abdul Rahman dengan Perdana Menteri Great Britain di London. Pada 6 Januari 1962, kerajaan Britain dan Malaysia telah menubuhkan Suruhanjaya Cobbold untuk mengkaji pendapat rakyat Sabah dan Sarawak untuk menyertai Malaysia. Sebahagian besar rakyat di dua negeri ini bersetuju dengan konsep Malaysia dan Penyata Suruhanjaya Cobbold diterima. Majlis Undangan Negeri Singapura telah meluluskan usul menyertai pembentukan Malaysia pada Disember 1961, manakala negara Brunei pula telah menarik diri pada saat-saat akhir. Pada 16 September 1963 negara Malaysia ditubuhkan dengan secara rasminya yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak.

Penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura ini secara langsung telah menyebabkan jumlah kerusi perwakilan Parlimen bertambah iaitu Sarawak memperolehi 24 kerusi, Sabah 16 kerusi dan Singapura 15 kerusi.

Singapura Berpisah Dengan Malaysia

Pada 9 Ogos 1965 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membuat pengumuman di Dewan Rakyat setelah perwakilan dari Malaysia dan Singapura menandatangani satu persetujuan pada 9 Ogos 1965. Perpecahan itu telah dilaksanakan melalui suatu Akta Parlimen



So, I believe the second course of action which we are taking, that is the breakaway, is the best and the right one, sad as it may be. We had pledged to form Malaysia with Singapore but having given it a trial we found that if we persist in going on with it, in the long run there will be more trouble to Malaysia than what Singapore is worth to us. The separation will be made on the understanding that we shall co-operate closely on matters of defence, trade and commerce.

This matter was discussed with the Government of Singapore, as a result of which we have drawn up an Agreement which sets out the terms agreed upon and contains those matters which I mentioned just now. This Agreement has been signed by selected members of the Central Government and those of the State Government of Singapore.



Agreement

The Agreement is to grant Singapore independence and establish it as a sovereign State. For the benefit of the Hon'ble Members, I would like to refer to some of the clauses in the Agreement.

Article V reads:-

The parties hereto will enter into a treaty on external defence and mutual assistance providing that:-

- (1) the parties hereto will establish a joint defence council for purposes of external defence and mutual assistance;
- (2) the Government of Malaysia will afford to the Govern-



BAB 2

PROSEDUR PARLIMEN PANGGILAN MESYUARAT, PROROG DAN PEMBUBARAN PARLIMEN

Parlimen Persekutuan merupakan badan perundangan yang tertinggi di Malaysia. Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyatakan bahawa kuasa perundangan Persekutuan hendaklah terletak hak pada Parlimen yang hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong diperuntukkan oleh Perkara 55 Fasa (1), Perlembagaan Persekutuan iaitu Yang di-Pertuan Agong hendaklah memanggil Parlimen dari semasa ke semasa dan tidak boleh membiarkan enam bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat pertamanya dalam penggal yang berikutnya. Baginda juga mempunyai kuasa istimewa untuk memprorog atau membubarkan Parlimen seperti yang tertakluk dalam perkara 55 Fasa (2) Perlembagaan Persekutuan.

Bagi Dewan Rakyat, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap penggal, tarikh-tarikh majlis akan bermesyuarat dalam penggal itu. Walau bagaimanapun, Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dari semasa ke semasa.

Panggilan Mesyuarat

Selepas selesai urusan pilihan raya umum dan kerajaan sudah dibentuk, Parlimen hendaklah

dipanggil untuk bermesyuarat. Yang di-Pertuan Agong akan memanggil dan menetapkan tarikh Parlimen baru untuk bermesyuarat. Surat yang dikeluarkan ialah untuk mesyuarat pertama penggal pertama bagi Parlimen baru.

Sebagai contoh, Parlimen Kesebelas telah dibubarkan pada 13 w 2008 dan pilihan raya telah diadakan pada 8 Mac 2008. Parlimen telah dipanggil untuk bermesyuarat pada 28 April 2008 bagi mengadakan Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keduabelas. Urusan pertama pada hari pertama Mesyuarat Pertama ialah untuk memilih Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang akan mempengerusikan terus Persidangan Parlimen sehingga Parlimen itu dibubarkan. Selesai pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Rakyat akan mengangkat sumpah sebagai Ahli Parlimen. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mendahului Ahli-Ahli lain untuk mengangkat sumpah.

Yang di-Pertuan Agong hendaklah dari semasa ke semasa memanggil Parlimen untuk bermesyuarat. Tarikh dan waktu mesyuarat yang pertama bagi sesuatu Penggal adalah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan baginda akan merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal tersebut. Bagi mesyuarat seterusnya atau diluar jangka dalam penggal tersebut Tuan Yang di-Pertua boleh menetapkan sendiri tarikhnya.



PROKLAMASI

OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG,
DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA UTAMA NEGARA BAGI
NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-WATHQOU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI
BILLAH SHAH
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA Fasal (1) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa BETA
bermula dari semasa ke semasa memanggil Parlimen.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, BETA, AL-WATHQOU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN IBNI
ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi
Negeri-Negeri dan Wilayah-Wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada BETA
setiagamana yang tersebut di atas DENGAN INI MEMANGGIL Parlimen dan menetapkan sembilan belas
hari bulan Mac, dua ratus tujuh puluh sepuluh pagi sebagai tarikh dan masa bagi perancangan pertama
Parlimen Keempat Persekutuan Malaysia Yang Kebabutan, yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di Kuala
Lumpur, Ibu Kota Persekutuan.

DIPERBUAT di Istana Negara Beta di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada
11 Mac
dalam bulan Februari, dua ribu tiga puluh.

Dengan Titrat Peninch Baginda

DATO' SRI MOHD RAZALI BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
PERSYIARAHAN

OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG, DENGAN KURNIA ALLAH, KETUA
UTAMA NEGARA BAGI NEGERI-NEGERI DAN WILAYAH-WILAYAH MALAYSIA

AL-WATHQOU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI
BILLAH SHAH
Yang di-Pertuan Agong

BAHAWASANYA Fasal (2) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa BETA boleh
menolaknya Parlimen.

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN BETA, AL-WATHQOU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH, dengan Kurnia Allah, Yang di-Pertuan
Agong bagi Negeri-Negeri dan Wilayah-Wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada
BETA di bawah Fasal (2) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan DENGAN INI MENGGYSYAHADAKU
bahawa Parlimen Yang KESEBELAS hendaklah TERBUKA pada 13 Februari 2008.

DIPERBUAT di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan, pada 13 Februari
2008

Dengan Titrat Peninch Baginda,

DATO' GERJAHULUBH BIN HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Prorog

Sesuatu Parlimen terbahagi kepada lebih kurang lima atau enam penggal. Kiraan sesuatu Penggal Parlimen bermula dari tarikh mesyuarat pertama dan tamat sebelum bermula penggal berikutnya. Dalam sesuatu penggal ada tiga mesyuarat yang dibahagikan kepada mesyuarat pertama, kedua dan ketiga. Mesyuarat pertama dikenali sebagai mesyuarat perasmian, dimana Yang di-Pertuan Agong akan merasmikan pembukaan mesyuarat tersebut. Mesyuarat kedua pula dikenali sebagai mesyuarat pertengahan tahun dan mesyuarat ketiga dikenali sebagai mesyuarat belanjawan. Pada mesyuarat ketiga ini, Menteri Kewangan akan membentangkan Bajet untuk tahun hadapan.

Pada penghujung sesuatu penggal, Parlimen akan diprorog oleh Yang di-Pertuan Agong. Hanya Yang

di-Pertuan Agong sahaja yang boleh memprorog Parlimen, dan suatu pemasyturan akan dikeluarkan untuk memaklumkan tarikh tersebut.

Prorog ialah dimana sesuatu penggal itu hendak ditamatkan sebelum bermulanya penggal baru. Perkara 55 Fasal (5) memperuntukkan bahawa sesuatu Rang Undang-Undang yang belum diputuskan di dalam Parlimen tidaklah teriuput disebabkan oleh pemprorongan Parlimen. Jawatankuasa-jawatankuasa Penggal Parlimen dengan sendirinya akan termansuh pada tarikh prorog itu dan ahli-ahlinya hendaklah dilantik balik bagi Penggal Parlimen baru.

Semasa Parlimen diprorogkan, Dewan Negara dan Dewan Rakyat tidak akan mengadakan apa-apa persidangan.



Empat orang Menteri dari Parti Perikatan dilihat meninggalkan Majlis Persekutuan selepas Mesyuarat Majlis Persokutuan di prorog pada 25 Jun 1959.

Dari kiri: Menteri Perdagangan dan Industri, Tan Slew Sin, Menteri Hal Ehwal Luar, Ismail bin Dato Abdul Rahman, Menteri Buruh dan Kebajikan Sosial, Ong Yoke Lin dan Menteri Pertanian dan Abdul Aziz Ishak.

Pembubaran

Perkara 55 Fasa (3) memperuntukkan bahawa melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar. Walau bagaimanapun Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa membubarkan Parlimen sebelum genap tempoh tersebut. Makluman mengenai pembubaran itu akan dikeluarkan melalui satu pemasyturan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong. Pembubaran Parlimen tidak melibatkan Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Negara terus kekal menjadi Ahli sehingga tamat tempoh keahlian mereka. Selepas pembubaran Parlimen, Ahli-Ahli Dewan Rakyat tidak lagi memegang jawatan mereka.

Manakala Perkara 55 Fasa (4), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa apabila Parlimen bubar suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh ia bubar dan Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.

Fakta-Fakta Menarik Mengenai Perjalanan Parlimen (Secara Ringkas)

- Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa kuasa perundangan Persekutuan terletak pada Parlimen. Parlimen terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat – Artikel 44.
- Yang di-Pertuan Agong hendaklah dari semasa ke semasa memanggil Parlimen bermesyuarat dan tidak boleh membiarkan jarak di antara persidangan yang akhir bagi sesuatu Penggal Parlimen dengan tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat yang pertama bagi Penggal Parlimen yang berikutnya sampai enam bulan.
- Yang di-Pertuan Agong boleh memprorog atau membubarkan Parlimen.
- Parlimen, kecuali telah dibubarkan lebih dahulu akan berjalan selama tempoh lima tahun mulai dari tarikh persidangannya yang pertama dan setelah genap tempoh itu akan dibubarkan.
- Apabila Parlimen telah dibubarkan, hendalah diadakan pilihan raya dalam tempoh enam puluh hari mulai dari tarikh pembubaran itu dan Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat tidak lewat daripada seratus dua puluh hari daripada tarikh itu.
- Parlimen juga dibenarkan untuk mengawal selia tatacaranya sendiri. Bagi tujuan itu, Parlimen telah menggubal Peraturan Mesyuaratnya sendiri.
- Peraturan Mesyuarat menggariskan bagaimana pemilihan Yang di-Pertua, perjalanan rang undang-undang, cara perbahasan, tindak-tanduk Ahli-ahli, apa yang boleh diperkatakan dan difikirkan oleh Ahli-ahli dan sebagainya bagi tujuan melicinkan perjalanan Mesyuarat. Perbahasan Parlimen adalah tertakluk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat.
- Draf Peraturan Mesyuarat telah dibentangkan pada 12 September 1959 oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Yang Amat Berhormat Dato' Razak bin Hussein. Laporan Pertama Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat telah diterima pakai pada 9 Disember 1959.
- Aturan Urusan Mesyuarat merupakan agenda dalam persidangan pada hari tersebut dan dikeluarkan pada setiap hari. Kertas berwarna putih mengandungi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan. Kertas berwarna hijau mengandungi Rang Undang-undang Untuk Bacaan Kali Pertama dan Aturan Urusan Mesyuarat

- dan Usul-usul. Kertas berwarna merah jambu mengandungi Ucapan-ucapan Penangguhan. Kertas putih yang akhir mengandungi Risalat-risalat Yang Diedarkan iaitu Kertas Perintah dan Kertas Titah.
- Usul. Apa yang dikatakan usul ialah suatu cadangan yang minta diputuskan oleh Dewan. Terdapat pelbagai jenis Usul dan dikemukakan mengikut Peraturan mesyuarat bagi tujuan tertentu.
- Sesuatu parliment terbahagi kepada beberapa penggal. Penggal Pertama kebiasaannya bermula pada tahun pilihan raya diadakan, diikuti Penggal Kedua pada tahun berikutnya dan seterusnya sehingga Penggal Keenam. Namun begitu, ia tidak pernah sampai ke Penggal Keenam.
- Sesuatu Penggal dibahagikan kepada tiga kali Mesyuarat. Ini adalah untuk menepati keperluan Perlembagaan di mana Parliment tidak boleh membiarkan enam bulan berlalu tanpa mengadakan sebarang Mesyuarat.
- Hari Persidangan – Dalam sesuatu Mesyuarat ada beberapa hari dan hari itu dikenali sebagai hari Persidangan. Lazimnya hari Persidangan yang berlangsung dari hari Isnin hingga hari Khamis bermula dari jam 10 pagi hingga jam 1 petang dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga jam 5.30 petang. Hanya pembentangan Bajet yang akan diadakan pada hari Jumaat jam 4 petang hingga selesai.
- Hansard / Penyata Rasmi – laporan verbatim (perkataan demi perkataan) mengenai perbahasan parliment yang berlangsung pada hari itu.
- Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat – minit mesyuarat persidangan parliment pada hari persidangan yang mengandungi kehadiran dan keputusan undian yang dijalankan.
- Rang Undang-undang – adalah cadangan undang-undang untuk dibahaskan dalam Parliment sebelum diluluskan.
- Bagaimana Rang Undang-undang Menjadi Undang-undang – sesuatu rang undang-undang itu mesti melalui proses tertentu dalam Parliment sebelum menjadi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan dan dilaksanakan. Rang Undang-undang ini mestilah diluluskan oleh kedua-dua Dewan Parliment.
 - Bacaan Kali Pertama
 - Bacaan Kali Kedua – perbahasan secara umum mengenai rang undang-undang
 - Peringkat Jawatankuasa – perbahasan spesifik kepada apa yang terkandung dalam rang undang-undang sahaja.
 - Bacaan Kali Ketiga.
 - Perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
 - Diwarta dan Dicetak
 - Undang-undang yang boleh dikuatkuasakan .
- Bagi apa-apa urusan yang tidak diperuntukkan oleh Perlembagaan dan perundangan, Parliment akan menjalankan urusannya mengikut kelaziman, amalan dan tradisi (convention, practices and traditions). Penggunaan ini adalah untuk melicinkan perjalanan dan meningkatkan penghormatan kepada Parliment.
- Kedudukan turutan Parliment – tempoh dari satu pilihan raya umum ke satu pilihan raya umum dikenali sebagai satu Parliment. Sebagai contoh, berikutan pilihan raya umum pertama pada tahun 1959, tempoh lima tahun Parliment dai tahun 1959 hingga 1964 dikenali sebagai Parliment Pertama dan seterusnya. Nombor turutan ini tidak diperuntukkan oleh Perlembagaan sebaliknya dilaksanakan mengikut amalan Parliment negara-negara Komanwel lain.



BAB 3


KOMPLEKS BANGUNAN PARLIMEN

*K*ompleks Bangunan Parlimen, yang menjadi lambang Sistem Demokrasi Negara adalah ilham daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia Pertama. Pada Disember 1959, sebuah kawasan berbukit dengan ketinggian 61 meter dari aras laut, yang berkeluasan 16.2 hektar yang terletak di arah timur laut Taman Tasik Perdana Kuala Lumpur, telah dipilih sebagai lokasi Kompleks Bangunan Parlimen.



Kawasan berbukit seluas 16.2 hektar yang dahulunya dikenali sebagai 'West Folly Hill' sedang diratakan bagi kerja-kerja awal pembinaan Kompleks Bangunan Parlimen 1961


Kerja pembinaan kompleks bangunan yang bernilai RM18 juta bermula pada pertengahan tahun 1961 dan mengambil masa hampir dua tahun untuk disiapkan. Peletakan batu asas telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 hb Ogos 1962 dan pada 2 hb November 1963, baginda sekali lagi diberi penghormatan untuk merasmikan pembukaan Kompleks Bangunan Parlimen ini.



Upacara peletakan batu asas pembinaan Kompleks Parlimen. Kapsul masa yang dibentuk khas dengan permukaannya diperbuat daripada batu marmar, seberat 385kg (850 lb) bersaiz dua kaki lebar dan lima kaki tinggi, mengandungi salinan penyata rasmi perbahasan pertama Dewan Rakyat 1958, akhbar, sedikit mata wang Malaysia dan sedikit bijih timah, getah dan padi sebagai simbol

“bangunan ini adalah menjadi suatu bukti yang nyata dan terang menunjukkan kepada dunia betapa kuat dan teguhnya rakyat Persekutuan Tanah Melayu berpegang kepada Demokrasi secara berparlimen dan adalah juga menjadi tanda menunjukkan kita adalah mengamalkan semulia-mulia adat demokrasi berparlimen dan akan sentiasa berbuat demikian itu”

Tuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1962 semasa perlatakan batu asas pembinaan Kompleks Bangunan Parlimen



Model Bangunan Parlimen pada 30 September 1960. Gambar menunjukkan perspektif reka bentuk yang begitu sederhana (simple) bagi Dewan Rakyat



Kompleks Bangunan Parlimen dalam proses pembinaan 1962



Bangunan Parlimen yang siap dibina pada tahun 1962

Kompleks Bangunan Parlimen terdiri daripada dua bahagian utama iaitu Blok Utama dan Blok Menara.

Blok Utama

Blok Utama berukuran 380 kaki panjang dan 290 kaki lebar, terdiri daripada tiga tingkat. Di tingkat bawah blok ini terdapat Bilik Diraja, Dewan Bankuet yang luasnya sama besar dengan Dewan Rakyat, pusat sumber, unit percetakan, unit penyelidik dan sebuah surau. Tingkat satu menempatkan Dewan Negara, Dewan Rakyat, bilik-bilik Yang di-Pertua Dewan dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Di tingkat dua pula menempatkan pejabat-pejabat menteri dan bilik-bilik mesyuarat.



Sebahagian daripada pandangan Blok Utama yang berukuran 380 kaki panjang dan 29 kaki lebar, yang menempatkan Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Keseluruhan bangunan mempunyai reka bentuk kerawang berukir seperti sarang lebah yang berfungsi sebagai kawalan terhadap sinaran matahari kepada sekeliling bangunan yang diliputi kaca. Kerawang yang berukuran 11 kaki tinggi dan 40 inci lebar ini, diperbuat daripada batu konkrit tempatan



Dewan Rakyat 2009




▲ Pusat Sumber Parlimen Malaysia sebagai tempat rujukan utama maklumat tentang Persidangan Parlimen 2009



▲ Pemandangan Pusat Sumber Parlimen pada tahun 2003

Antara ruang di dalam Pusat Sumber Parlimen 2009





Blok Menara

Blok Menara 17 tingkat terletak di hadapan Blok Utama. Blok ini mempunyai ketinggian 250 kaki dengan keluasan 80 kaki persegi dan blok ini bersambung dengan Blok Utama melalui dua jambatan gantung bertutup dengan kaca sepanjang 166 kaki. Pada asalnya blok menara ini menempatkan pejabat menteri dan bilik Ahli Parlimen. Namun selaras dengan perkembangan institusi Parlimen, beberapa ruang di Blok Menara telah diubahsuai menjadi pejabat kakitangan Parlimen. Walau bagaimanapun beberapa ruang pejabat menteri masih dikenakan seperti pejabat Perdana Menteri, pejabat Timbalan Perdana Menteri dan pejabat Ketua Pembangkang.

Fakta Menarik Kompleks Bangunan Parlimen

Kompleks Bangunan Parlimen merupakan bangunan ulung yang mempunyai seni bina beridentitikan Malaysia dengan penggunaan simbolisme seni bina tempatan dalam reka bentuk bangunan moden. Seni bina bumbungnya amat unik iaitu terdiri daripada sebelas bentuk tiga segi dan tirus yang bersusun tegak selari antara satu sama lain, dan di bawah bumbung bersegi tiga inilah terletaknya Dewan Rakyat.

Dewan Rakyat pula mempunyai keistimewaan seni binanya tersendiri, selain seni bina bumbungnya berbentuk tiga segi, bumbung ruang Dewan Rakyat ini disokong pada kiri dan kanan dewan oleh dua batang tiang tegak yang menembusi ke Dewan Bankuet di sebelah bawahnya. Kerja membina tiang inilah antara fasa yang paling sukar dalam proses pembinaan bangunan Parlimen dan kerja menyiapkan bahagian ini sahaja telah mengambil masa selama enam bulan.

Pada keseluruhannya lebih daripada satu juta batu bata, 2,200 tan besi waja, 54,000 tan konkrit, 200,000 kampit simen dan 300 tan kaca telah digunakan bagi menyiapkan Kompleks Bangunan Parlimen.

Landscape Kompleks Bangunan Parlimen dihiasi oleh pelbagai spesis pokok hiasan dan pokok bunga yang jarang ditemui serta sebuah taman rusa. Pelbagai prasarana seperti gelanggang tenis, gelanggang futsal dan gimnasium juga dibina bagi memberi peluang untuk warga Parlimen beriadah. Selain dihiasi landscape taman yang menarik, pembinaan tiga buah kolam air pancuran juga merupakan antara daya tarikan utama Kompleks Bangunan Parlimen.



Kompleks ini juga dilengkapi dengan satu Dataran Parlimen yang terletak di bahagian hadapan Blok Menara. Dataran Parlimen digunakan untuk majlis menyambut keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong semasa pembukaan Parlimen, upacara keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong yang baru dan upacara tamat tempoh Yang di-Pertuan Agong. Upacara sambutan lawatan Ketua Negara asing juga diadakan di Dataran Parlimen.

▲ *Landscape laluan utama ke Bangunan Menara*

▼ *Taman rusa yang terletak di kawasan lapang hadapan Kompleks Bangunan Parlimen.*





Bangunan Parlimen Malaysia pada waktu siang dan malam.



Jam Besar Parlimen Malaysia


PETIKAN KATA-KATA

We are indeed grateful to the U.K. Government for its generosity in making a gift of books to the Library of parliament. This is particularly significant in view of the fact that the Library was started only a few years ago and consequently its collection of books is not as comprehensive or complete as one would wish it to be. Some of the books included in this gift are not readily available in our local bookshops and indeed some of them are even out of print. I refer especially to those books pertaining to Parliamentary procedures and practice.

I am quite aware that in respect of these books, officials of the U.K. Government including those from the British Council, Kuala Lumpur have gone out of their way to acquire them from the London book market.

I wish to say how deeply indebted we are to them for their efforts in assisting us to make this Library of Parliament worthy of its name.

- Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar, Yang di Pertua Dewan Rakyat pada 22.2. 1964



Dewan Negara pada tahun 1966

BAB 4

DEWAN NEGARA

*P*enerimaan Perlembagaan 1957 menandakan bermulanya sistem perundangan dua dewan di Persekutuan Tanah Melayu. Dewan Negara telah ditubuhkan dengan ahli-ahli yang sebahagiannya adalah dilantik dan selebihnya dipilih oleh dewan perundangan negeri.

Namun begitu terdapat satu ciri unik dalam sistem perundangan di negara ini, iaitu Majlis Raja – Raja seolah-olah berfungsi seperti 'Dewan Ketiga'. Perkara 38 Fasa (1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa maka hendaklah ada suatu Majlis Raja-Raja yang hendaklah ditubuhkan mengikut jadual Kelima. Majlis Raja diberi kuasa berhubung perkara-perkara seperti perubahan sempadan negeri, memberi atau menangguhkan perkenaan atas sesuatu Rang Undang-Undang, perkara berkaitan agama Islam dan tanah negeri, serta menasihati DYMM Yang di-Pertuan Agong dalam beberapa perjawatan.

Pada mulanya, Dewan Negara mempunyai 38 orang ahli dan 16 daripadanya adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dari kalangan mereka yang telah memberikan khidmat masyarakat yang cemerlang, atau telah mencapai kecermerlangan dalam profesyen, perdagangan, industri, pertanian, aktiviti kebudayaan, khidmat sosial, wakil bagi kaum minoriti atau dapat mewakili kepentingan pribumi.


Baki 22 orang ahli lagi mewakili kepentingan sebelas negeri yang membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini bersesuaian dengan prinsip persekutuan, iaitu menyediakan satu perlindungan bagi kerajaan-kerajaan negeri daripada tekanan kuasa majoriti dalam Dewan Rakyat.

Suruhanjaya Reid telah menetapkan bahawa kuasa Dewan Negara berkaitan penggubalan undang-undang, selain daripada pemindahan Perlembagaan, 'tidak akan menyamai kuasa Dewan Rakyat, tetapi mempunyai kuasa untuk menyemak dan melewatkhan Rang Undang-Undang'.

Yang di- Pertua Dewan Negara

Seorang Yang di-Pertua Dewan Negara dan timbalannya dipilih terlebih dahulu bagi mengendalikan persidangan Dewan daripada kalangan ahli-ahli sendiri. Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalannya dilantik mengikut Perkara 56 Perlembagaan

Persekutuan. Apabila Yang di-Pertua Dewan Negara Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh bersara pada 6 Julai 2009, jawatannya telah disandang oleh Dato' Ir. Wong Foon Meng. Berucap di Majlis Perpisahan yang diadakan untuk beliau oleh Parlimen Malaysia pada 6 Julai 2009, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh berkata:-



'I feel very touched. I am humbled and embarrassed by the honour. Thank you especially to the Prime Minister for the leeway, graciousness and forbearance which was accorded to me to do my work without ever feeling I have compromised any principle. As I go, let it be said "here goes a man who tried to do his job well".¹

Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh

Parlimen Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengeluarkan wang syiling untuk mengingati detik bersejarah itu. Bank Negara telah mengeluarkan duit syiling dalam denominasi satu sen pada tahun 1967 dan mula menggunakan pada 20 Jun 1967. Bangunan Parlimen telah dipilih sebagai ukiran yang dipaparkan pada duit syiling yang dikeluarkan pada tahun 1967.



Duit syiling untuk mengingati detik bersejarah.

¹ The Star, July 7 2009

Dato' Ir. Wong Foon Meng dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 13 April 2004, manakala pada 7 Jun 2004 beliau dilantik sebagai Timbalan Speaker. Tempoh lantikan beliau telah dilanjutkan pada 13 April 2007. Seterusnya beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Agung MCA pada November 2008.

Semasa berucap di majlis pelantikan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara, Dato' Ir. Wong berkata:-

*'I do not see any conflict if one can draw the line of duty clearly. I will preside over the meeting according to Standing Orders.'*²



Dato' Ir. Wong Foon Meng menandatangani watikah pelantikan sebagai yang di-Pertua Dewan Negara

Timbalan Yang di- Pertua Dewan Negara

Yang di-Pertua Dewan Negara dibantu oleh seorang timbalan dan Setiausaha Dewan Negara. Pelantikan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah sama dengan Timbalan Yang di- Pertua Dewan Rakyat.

Pada 9 Julai 2009, buat pertama kalinya seorang wanita telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Pelantikan Senator Datuk Armani Maharuddin sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara telah melakar sejarah baru bagi Parlimen Malaysia.

Senator Datuk Armani
Mahiruddin ►



² The Star 8.7.2009

Ahli-ahli Dewan Negara

Dewan Negara juga bertanggungjawab untuk membincangkan perkara yang menjadi kepentingan umum. Mengikut Perlembagaan Persekutuan Perkara 45, keanggotaan Dewan Negara adalah seperti berikut:

- a) Tertakluk kepada Fasal 4, Dewan Negara hendaklah mengandungi ahli-ahli terpilih dan dilantik iaitu dua orang ahli bagi tiap-tiap negeri hendaklah mengikut Jadual Ketujuh, dua orang ahli bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang bagi Wilayah Persekutuan Labuan hendaklah dilantik oleh Yang Dipertuan Agong di bawah nasihat Perdana Menteri, dan 43 ahli hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- b) Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah orang yang telah membuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesion, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum kecil bilangannya atau mempunyai kebolehan mewakili kepentingan Orang Asli.
- c) Tertakluk kepada peruntukan Jadual Ketujuh, seseorang Ahli Dewan Negara tidak boleh memegang jawatan lebih daripada dua tempoh sama ada terus-menerus atau selainnya.
- d) Parlimen boleh dengan undang-undang menambah bilangan ahli yang dipilih bagi tiap-tiap satu negeri sehingga tiga orang; membuat peruntukan supaya ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih negeri itu dan mengurangkan bilangan ahli yang dilantik atau menghapuskan ahli yang dilantik.

Fungsi Dewan Negara ialah mengkaji semula dan meluluskan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Kedua-dua Dewan perlu meluluskan Rang Undang-undang yang dibuat sebelum akhirnya dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan Baginda.

Dewan Negara terdiri daripada 70 orang ahli dan terbahagi kepada dua kategori seperti berikut:-

- 26 ahli yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri sebagai mewakili 13 negeri (setiap negeri diwakili oleh dua orang ahli).

- 44 ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, termasuk dua ahli dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seorang ahli masing-masing dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Putra Jaya.

Syarat untuk layak menjadi ahli, seseorang calon hendaklah:-

- warganegara Malaysia
- tidak kurang dari 30 tahun
- waras fikiran
- bukan seorang muflis
- tidak mempunyai rekod jenayah

Jawatan itu hendaklah dipegang selama satu penggal (tiga tahun) dan boleh disambung sebanyak satu penggal lagi, sama ada dilantik pada peringkat Persekutuan atau pemilihan pada peringkat negeri.

Setiap ahli dimestikan mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara. Ahli tersebut hendaklah bersumpah atau berjanji bahawa mereka akan taat menjalankan tugas-tugas mereka sebagai ahli Dewan sebaik mungkin dan taat setia kepada Malaysia serta mematuhi, menjaga dan mempertahankan Perlembagaan.

Pengerusi Dewan Negara digelar Yang di-Pertua Dewan Negara. Yang di-Pertua mestilah juga seorang Ahli Dewan Negara. Yang di-Pertua Dewan Negara dibantu oleh seorang timbalan yang hendaklah juga seorang Ahli Dewan Negara.

Tugas-tugas Yang di-Pertua Dewan Negara adalah seperti berikut:-

- bertanggungjawab mengawasi perjalanan mesyuarat supaya berjalan dengan licin;
- memastikan perbahasan ada berkaitan dengan perkara yang dibahaskan; dan
- membuat keputusan mengenai Peraturan-peraturan Mesyuarat sekiranya berlaku perbalahan.

Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua melepaskan jawatan setelah tempoh keahlian di Dewan Negara tamat.

Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang akan memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara hendaklah melepaskan kerusi Dewan Undangan Negeri sekiranya ingin menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Senarai Yang Di-Pertua Dewan Negara



Dato' Haji Abdul Rahman
bin Mohamed Yassin
11.09.1959 - 31.12.1968



Tuan Syed Sheh bin Syed
Hassan Barakkah
27.01.1969 - 05.02.1969



Dato' Haji Mohamad Noah bin
Omar
24.02.1969 - 28.07.1970



Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan bin
Haji Sakhawat Ali Khan
20.02.1971 - 22.02.1973



Tun Datuk Haji Omar Yoke Lin Ong
23.02.1973 - 31.12.1980



Tan Sri Ismail Khan
05.01.1981 - 13.04.1985



Tan Sri Datuk Benedict Stephens
15.04.1985 - 11.04.1988



Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad
Urai bin Datu Hakim Abang Haji
Mohideen
11.07.1988 - 09.07.1990



Tan Sri Dato' Chan Choong Tak
17.12.1990 - 31.03.1992



Tan Sri Dato' Vadiveloo s/o
Govindasamy
13.04.1992 - 12.06.1995



Dato' Adam bin Kadir
13.06.1995 - 30.11.1996



Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin
Ya'acob
10.12.1996 - 05.12.2000



Tan Sri Dato' Michael Chen Wing
Sum
07.12.2000 - 11.04.2003



Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid
Pawanteh
07.07.2003 - 06.07.2009



Dato' Ir. Wong Foon Meng
07.07.2009 - 12.04.2010



Y.B. Tan Sri Dato' Abu Zahar
bin Ujang
26.04.2010 - Km

Senarai Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara

1. Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla	23.12.1980 – 09.01.1981
2. Jeneral Tan Sri Abdul Hamid bin Bidin	01.04.1981 – 28.07.1981
3. Tan Sri Datuk Sulaiman bin Ninam Shah	14.12.1982 – 01.04.1985
4. Tan Sri Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohideen	29.07.1985 – 10.07.1988
5. Dato' Tan Peng Khoon	13.07.1988 – 27.12.1989
6. Dato' Chan Choong Tak	28.12.1989 – 16.12.1990
7. Dato' Adam bin Kadir	13.04.1992 – 12.06.1995
8. Dato' Michael Chen Wing Sum	29.05.1997 – 05.12.2000
9. Datuk Haji Gapar bin Gurrohu	08.05.2001 – 22.10.2003
10. Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng	07.06.2004 – 07.07.2009
11. Senator Datuk Armani Binti Haji Mahiruddin	07.07.2009 –

Senarai Nama Setiausaha Dewan Negara

1 Ramli bin Abdul Hamid	1959 - 1960
2 Abdul Ghani bin Mohd Don	1960 - 1961
3 Hj Shamsuddin bin Hj Mohd Sidin	1961 - 1962
4 Ahmad bin Abdullah	1962 - 1969
5 Lim Joo Keng	1969 - 1978
6 Hj Ahmad Hasmuni bin Hj Hussein	1978 - 1986
7 Hj Abdul Rahim bin Hj Abu Bakar	1986 - 1988
8 Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar	1989 - 1995
9 Dato' Abdullah bin Abdul Wahab	1996 - 2004
10 Datuk Zamani bin Haji Sulaiman	1 April 2004 - kini

Waktu Persidangan Dewan Negara

Waktu Persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.



Dato' Haji Abdul Rahman Mohd. Yasin mengangkat sumpah sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara di mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Pertama. Setiausaha Dewan Negara, Enche' Ramah Abdul Hamid disebelah kanan.



Dewan Rakyat pada tahun 1966

BAB 5

DEWAN RAKYAT

Jepanjang tempoh 50 tahun Parlimen Malaysia, proses penubuhan Kerajaan Berparlimen ini telah diulangi sebanyak 12 kali, atau dengan kata lain rakyat telah mengharungi sebanyak 12 kali pilihan raya umum untuk memilih Ahli-Ahli Dewan Rakyat. Proses ini juga memperlihatkan berlakunya pertambahan ahli Dewan Rakyat daripada 104 orang ahli pada 1959 kepada 222 orang ahli pada 2008 hingga kini. Dalam tempoh yang sama sebanyak 12 Mesyuarat Dewan Rakyat telah berlangsung. Setiap Dewan Rakyat Mesyuarat bermula, berdasarkan upacara angkat sumpah ahli-ahlinya.

Tarikh Permulan Setiap Mesyuarat Dewan Rakyat

Dewan Rakyat	Tarikh Mesyuarat
Dewan Rakyat Pertama	11 September 1959
Dewan Rakyat Kedua	18 Mei 1964
Dewan Rakyat Ketiga	20 Februari 1971
Dewan Rakyat Keempat	4 November 1974
Dewan Rakyat Kelima	31 Julai 1978
Dewan Rakyat Keenam	14 Jun 1982
Dewan Rakyat Ketujuh	6 Oktober 1986
Dewan Rakyat Kelapan	3 Disember 1990
Dewan Rakyat Kesembilan	7 Jun 1995
Dewan Rakyat Kesepuluh	20 Disember 1999
Dewan Rakyat Kesebelas	17 Mei 2004
Dewan Rakyat Keduabelas	23 April 2008

Dalam masa 50 tahun Parlimen Malaysia telah menyaksikan pelantikan seramai 8 orang Yang di-Pertua Dewan Rakyat, 16 orang Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan 12 orang Setiausaha Dewan Rakyat.

SENARAI YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT



**YB Dato' Haji Mohamad Noah
bin Omar**
(11.09.1959 – 17.05.1964)



YB Dato' Syed Esa bin Alwee
(18.05.1964 – 25.11.1964)



**YB Tan Sri Dato' Chik Mohamad
Yusuf bin Sheikh Abdul Rahman**
(25.11.1964 – 03.11.1974)



**YB Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmad
Kamil bin Haji Nik Mahmood**
(04.11.1974 – 19.12.1977)



**YB Tan Sri Datuk Dr. Syed Nasir
bin Ismail**
(09.01.1978 – 16.03.1982)



**Y.A. Bhg. Tun Dato' Seri Dr.
Mohamed Zahir bin Haji Ismail**
(14.06.1982 – 14.10.2004)



**YB Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli
bin Ngah Talib**
(22.11.2004 – 27.04.2008)



**YB Tan Sri Datuk Seri Utama
Pandikar Amin bin Haji Mulia**
(28.04.2008 – kini)

Senarai Nama Timbalan Speaker Dewan Rakyat

BIL. NAMA	TAHUN
1 YB Tuan Syed Esa bin Alwee	14.12.1959 – 29.03.1964 25.11.1964 – 19.03.1969
2 YB Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmood	09.03.1971 – 13.07.1974
3 YB Tan Sri Syed Nasir bin Ismail	06.11.1974 – 08.01.1978
4 YB Tuan Azahari bin Md Taib	21.03.1978 – 11.06.1978
5 YB Datuk Mansor bin Othman	23.10.1978 – 28.03.1982
6 YB Dato' Dr Hee Tien Lai	14.06.1982 – 26.07.1983
7 YB Dr Abdul Hamid bin Pawanteh	26.10.1984 – 18.07.1986
8 YB Tuan D.P. Vijandran	08.10.1986 – 23.02.1990
9 YB Mohamed Amin bin Haji Daud	08.10.1986 – 04.10.1990

10	YB Dato' Ir Ong Tee Keat	11.06.1990 – 10.11.1999
11	YB Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin	05.12.1990 – 10.11.1999
12	YB Dato' Muhammad bin Abdullah	20.12.1999 – 03.03.2004
13	YB Datuk Lim Si Cheng	20.12.1999 – 12.02.2008
14	YB Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob	17.05.2004 – 12.02.2008
15	YB Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar	28.04.2008 – kini
16	YB Datuk Ronald Kiandee	28.04.2008 – kini

Senarai Nama Setiausaha Dewan Rakyat

BIL. NAMA	TAHUN
1 C.A. Fredericks	1959 - 1964
2 Sheikh Abdullah bin Sheikh Abu Bakar	1964 - 1965
3 Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Sidin	1965 - 1967
4 Jaafar bin Mohd Taha	1967 - 1969
5 Ahmad bin Abdullah	1969 - 1972
6 Dato' Azizul Rahman bin Abdul Aziz	1972 - 1988
7 Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman	1988 - 1993
8 Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali	1993 - 1998
9 Datuk Mohd Salleh bin Haji Hassan	1998 – 06.01.2004
10 Dato' Abdullah bin Abdul Wahab	07.01.2004 – 15.08.2006
11 Datuk Mahmood bin Adam	11.09.2006 – 20.12.2007
12 Datuk Roosme binti Hamzah	26.12.2007 – kini

Waktu Persidangan Dewan Rakyat

Waktu Persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

Vol. I
Issue 1



Friday
11th September, 1959

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

ELECTION OF SPEAKER [Col. 8]

ADMINISTRATION OF OATHS [Col. 12]

KUALA LUMPUR
PRINTED AT THE GOVERNMENT PRESS BY S. Y. PEGGIE
GOVERNMENT PRINTER
1959



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1319

AKTA PEREKALAN TAMBAHAN (2007) 2007

Beta bersetuju

Yang di-Pertuan Agong

12 DEC 2007 2007

Perlembagaan
Majlis Raja-Raja

PERAK AT-

Tajuk Negara

Persekutuan
Malaysia

(2) Akta
oleh Majlis

Pengundian

2. Akta Sul
(18/2/1972),
berdasarkan

*Anggaran

5. (1) I
dan per-

(2) I
di Per-
oleh
yang d

DAFTAR
BAKU BAHAGIAN UNDANG-UNDANG
AKTOSI PENGETAHUAAN ASAAN 2007

DAFTAR PADA

BAKU-B

ASAAN

- Nombor
1. Dikongsikan perintah dan akta dan perintah
2. Tafsir

Baik dan


PERAK DAN PULAU PINANG

3. Perintah Bandaraya
4. Pengurusan Bandaraya
5. Konservasi Bandaraya
6. Sosro
7. Dispensari
8. Pengurusan jalan
9. Muzium Sarawak
10. Projek dan Kawasan Negara Program
11. Projek dan Kegiatan
12. Projek Negara dan Israfil Terhadapnya atau Penyelenggara

Baik dan

PRATUGERAN

13. Entitias
14. Projek dan Kegiatan Simpanan
15. Perbadag
16. Jemudan dan Adun



The Opening
of
PARLIAMENT

KUALA LUMPUR
12TH SEPTEMBER 1959

BAB 6

PARLIMEN PERTAMA

11 September 1959 – 1 Mac 1964

*M*esyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Pertama telah diadakan pada 11 September 1959 dan telah dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Mesyuarat Dewan Rakyat bermula dengan pemilihan dan pemasyhuran Yang di-Pertua Dewan Rakyat Pertama iaitu Dato' Haji Mohamad Noah bin Omar. Upacara seterusnya diikuti oleh majlis mengangkat sumpah oleh 104 orang Ahli Dewan Rakyat yang telah terpilih dalam Pilihan Raya Umum Tanah Melayu 1959.

Pilihan Raya Umum Tanah Melayu 1959 telah diadakan pada 19 Ogos 1959. Pilihan raya ini merupakan pilihan raya umum yang pertama di Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Pilihan raya ini juga merupakan pilihan raya umum yang kedua di Semenanjung Malaysia. Berikutan itu, sistem Parlimen dua Dewan (Bicameral) yang terdiri daripada institusi Yang di-Pertuan Agong, Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah dibentuk.

Dalam pilihan raya umum ini, Parti Perikatan yang terdiri daripada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Se-Malaya (MIC) yang mewakili tiga kaum yang utama di Persekutuan Tanah Melayu memenangi 74 daripada 104 kerusi dalam Dewan Rakyat. Manakala parti-parti pembangkang memenangi 30 kerusi.

Kedudukan kerusi Parlimen Pertama selepas pilihan raya umum pada tahun 1959 adalah seperti berikut:

Keputusan Pilihan Raya Pertama

PARTI	BILANGAN KERUSI
Parti Perikatan (Alliance):	52
Progressive Party (PPP)	4
Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	13
Socialist Front	8
Parti Negara	1
Parti Malaya	1
Calon bebas	3
JUMLAH	104

Kemenangan besar Parti Perikatan dalam Pilihan Raya 1959 memberi mandat kepada parti tersebut membentuk kerajaan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah sebagai Perdana Menteri pertama. Beliau juga dikenang sebagai 'Bapa Kemerdekaan' dan 'Bapa Malaysia'.

Barisan kabinet yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 11 September 1959 terdiri daripada 10 kementerian dengan 9 orang menteri. Era pentadbiran Tunku merupakan zaman penuh pancaroba dan pancawarna. Krisis-krisis seperti Konfrontasi Indonesia, perpisahan Singapura, peristiwa 13 Mei dan Darurat 1948-1960 telah menggegarkan seluruh negara, namun di bawah kepimpinan beliau, negara berjaya melaluinya dengan kebijaksanaan, kesabaran serta toleransi yang tinggi.

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan salah satu daripada pencapaian besar di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mana pada hari tersebut Malaya, Borneo Utara, Sarawak, dan Singapura telah bersatu bagi membentuk Malaysia.

Pada 24 Ogos 1963, Parlimen Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan persidangan kali akhir dan tahun ini juga menjadi titik tolak kepada permulaan Parlimen Malaysia.

BERITA HARIAN



*PAS mengulangi lagi kejayaan chemerlang di-Kelantan
Dato Onn akhirnya menebos kekalahan di-Trengganu*

PERIKATAN SELAMAT

KEPUTUSAN pilihan raya parlimen yang pertama kali ini pada 2 pagi ini menunjukkan bahawa Perikatan atau membentuk sebuah kerajaan dibentuk dalam 60 buah kerusi.

BERLAKU FRONT 2 PAS DENGAN 1 PPR & MELAKA PARTI UNTUK SEMUA 10 orang

KUALA LUMPUR, Khamis,

RIBUAN RAYAT DI-STADIUM
MERDEKA MENUNGGU PUTUSAN

Putusan
akhir



Suara terbanyak kali ini kurang
tapi dapat juga 69 kerusi

Vergas Jokat*

Menteri2

Ishak Kalab

Boustamam

— Tengku bershukor

RAMAH TUAN MENGEMBARA



TERBANG LAH
MALAYAN AIRWAYS


ABIA LAMPIR
SUPPLY FIRM

Keputusan...

Ternakhor Di-Dunia
TELEFUNKEN



Keratan Akbar bertarikh 20 Ogos 1959



DYMM Yang di-Pertuan Agong merasmikan Parlimen Pertama di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 11 September 1959.



DYMM Yang di-Pertuan Agong membaca Tilah Ucapan Diraja pada 11 September 1959



Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menyembahkan surat Titah Ucapan ke Bawah Duli Yang ~~Agong~~ Permaisuri Agong Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad di upacara pembukaan Parlimen pada 11 September 1959. ~~Tutut semu Raja~~ Permaisuri Agong Tuanku Kurshiah Tunku Besar Burhanuddin.

Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Ahli2 Parlimen:

Beta shukor ka-hadzrat Allah Subhanahu-wata'ala kerana mengidzinkan Beta menghadziri upachara ini. Belum pun sampai dua minggu dulu ketika kita menyambut ulangtahun Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu Beta telah berkata bahawa tiada berapa lama lagi akan tiba-lah masa-nya bagi Beta menunaikan kewajipan beta dalam suatu upachara yang bersejarah bagi Negara kita ini ia-itu membuka Parlimen kita yang baharu yang menjadi tajok dan punchak Perlembagaan kita.

Semalam tuan2 sakalian telah mengangkat sumpah, ada yang menjadi ahli Dewan Negara dan ada yang menjadi ahli Dewan Ra'ayat. Lepas itu tuan2 telah mengadakan meshuarat masing2 memilih Yang di-Pertua Dewan Negara dan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat.

Sekarang ini sampai-lah masa-nya Beta, Yang di-Pertuan Agong Negara kita yang berdaulat ini, hadzir dalam majlis ini dengan segala isti'adat kebesaran Kerajaan menubozhkan dengan resmi-nya Parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang kekal sa-lama2-nya bagi segala ra'ayat Negara ini ia-itu Parlimen yang telah Beta perentahkan hadzir dengan Pemasihoran di-bawah Chap Mohor Beta dan Chap Mohor Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada hari ini tiada-lah Beta berhajat hendak melafadzkan ucahpan berkenaan dengan dasar2 dan tujuan2 Kerajaan Beta bagi masa yang akan dating seperti yang biasa Beta lafadzkan sa-bagai Ketua Negara di-hadapan Majlis Meshuarat Undangan. Beta akan beruchap seperti itu dalam upachara membuka persidangan Parlimen berkenaan dengan membahathikan belanjawan Negara dalam bulan November yang akan datang.

Pada hari ini Beta berhajat hendak menarek perhatian ra'ayat Beta kepada besar-nya dan kekal-nya erti upachara yang kita sakalian jalankan ini.

Sa-belum Beta berbuat demikian, Beta sukahita hendak mengatakan ada pun tempat wakil2 ra'ayat Beta yang di-pileh berhimpun ini sangat besar ma'ana-nya kapada diri Beta, dan yang demikian memang-lah pula sangat besar ma'ana-nya kapada penduduk2 Tanah Melayu ini.

Sebab-nya Beta katakan demikian kerana dalam bangunan ini-lah Beta telah naik takhta Kerajaan dan Mengangkat Sumpah menjadi Yang di-Pertuan Agong yang mula2 bagi Negara kita yang baharu ini dan membuat pengakuan yang Beta akan menunaikan kewajipan2 Beta sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dengan betul dan 'adil mengikut undang-undang dan Perlembagaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini.

Dan lagi di-dalam bangunan ini-lah juga pada suatu masa yang bergemilang Beta telah menjalankan kuasa di-Raja Beta mengikut Perlembagaan kita mengurniakan darjah2 kebesaran dan bintang2 kehormatan kapada bilangan yang ramai, laki2 dan perempuan, yang telah menunjukkan jasa dan bakti kepada Negara kita.

Nampak-nya dewan yang mulia ini bukan-lah sahaja menjadi tempat mengadakan 'adat istiadat di-raja bahkan juga menjadi tempat persidangan 2 bangsa2 yang besar2. Ini-lah tempat yang bersejarah di-dalam riwayat Negara kita.

Oleh hal yang demikian sangat-lah layak dan sesuai serta baik 'alamat-nya bagi masa yang akan datang yang Beta di-sini juga, sa-bagai Ketua Negara, membuka Parlimen ini atas nama sakalian ra'ayat Beta. Tiada shak lagi upacara ini ia-lah upachara yang bersejarah bagi sakalian ra'ayat Tanah Melayu.

Baharu sa-bentar tadi Beta telah mengatakan bahawa dengan tertubohnya Parlimen ini sampai-lah kita ka-tajok dan punchak Perlembagaan kita; bahkan sampai-lah kita kapada teras Perlembagaan kita.

Beta katakan tajok kerana menurut Perlembagaan kita Kuasa Undang2 Persekutuan Tanah Melayu adalah terserah kapada Parlimen yang mengandungi Beta sa-bagai Yang di-Pertuan Agong dan dua buah Dewan yang mewakili ra'ayat.

Beta katakan punchak kerana dengan tertubohnya Parlimen ini, maka ini-lah awal pertama-nya kuat kuasa Perlembagaan Negara kita dapat di-jalankan dengan sa-penoh-nya. Menyebut demikian itu senang sahaja, tetapi untuk menchapai-nya bertahun2 lama-nya kita telah berusaha, berazam dan bersabar. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu ada-lah suatu kejayaan demokrasi yang sangat besar.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah ciptaan beberapa orang yang bijaksana yang berusaha dengan tujuan yang satu ia-itu membentuk suatu piagam yang tetap bagi Negara kita yang baharu ini. Piagam ini telah di-gubal daripada pengalaman kita dalam masa yang telah lalu serta disesuaikan dengan keadaan2 di-sekililing kita dan chara hidup kita. Piagam ini-lah yang menunjukkan bagaimana tegoh-nya keyakinan kita kepada chara2 dan peraturan2 demokrasi berparlimen dan yang terutama sakali, piagam ini-lah juga yang membayangkan kepercayaan kita bersama2 iaitu kebebasan asasi yang tertentu ada-lah mustahak bagi menjaga kehormatan dan maruah manusia.

Kebebasan ini ada tertulis dalam Perlembagaan kita, dan termasok- lah di-dalam-nya bahawa sakalian orang bebas dan tiada berbeda di-sisi undang2, bebas berchakap dan bebas berugama. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu memashihorkan Islam menjadi ugama resmi Persekutuan Tanah Melayu dan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa resmi.

Perlembagaan ini memberi hak kapada sakalian ra'ayat Beta mengerjakan ibadat ugama mereka masing2 dan memelihara bahasa dan kebudayaan mereka masing2. Ia juga memberi taraf kera'ayatan yang luas kapada orang yang mengaku sanggup menjadikan Persekutuan Tanah Melayu ini tanah ayer-nya serta pula betul2 sanggup menumpukan ta'at setia mereka yang tiada berbelah bahagi kapada Negara ini.

Perlembagaan ini, yang sangat baik-nya mengandungi dengan sa-chukup-nya kewajipan2, tanggongan2, kuasa dan hak2 yang mengenai segala chawangan Negara ini dan segala ra'ayat-nya. Ia-lah yang menjadi pedoman yang akan memandu kita menempoh masa yang akan datang.

Pada 'am-nya Perlembagaan ini memberi kapada Beta kuasa menjalankan pemerentahan dengan nasihat Kerajaan Beta; menubolikan Parlimen bagi membuat undang2 kita; memelihara taraf dan kemuliaan Raja2 Negeri2 di-Persekutuan Tanah Melayu ini; dan menentukan kuasa2 Kerajaan Persekutuan dan kuasa Kerajaan Negeri2 yang bersekutu dalam Negara kita ini. Ia menentukan yang Perlembagaan itu boleh di-pinda jika di-dapati mustahak di-pinda dan ia mengakui hak2 ra'ayat mengundi di-negara kita yang berdasarkan demokrasi ini. Dengan jalan ini tetap-lah yang suara ra'ayat itu ialah kemahiran ra'ayat.

Khas-nya, Perlembagaan ini ada-lah penjaga pemerentahan berundang2. Ia menjaga supaya Mahkamah2, Hakim2, Pegawai2 Undang2 kita dan ahli2 Surohanjaya2 Perkhidmatan 'Awam kita sentiasa amanah, tiada terpengaroh, dan bebas serta bertanggong jawab atas jawatan2 Kerajaan dan kawalan. Dengan jalan ini pegawai2 Kerajaan negeri ini sentiasa akan selamat, amanah dan tiada berat sa-belah.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ia-lah Perlembagaan kita semua-ia menjadi kepunyaan Beta sa-bagai Beta Yang di-Pertuan Agong, ia menjadi kepunyaan tuan2 dan puan2 sa-bagai Ahli2 Parlimen, ia menjadi kepunyaan ra'ayat sa-bagai asas dan pangkal yang memberi kuasa.

Perdana Menteri, ahli2 Jema'ah Menteri-nya, ahli2 Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat semua-nya telah mengangkat sumpah yang mereka akan menumpukan ta'at setia mereka dengan bersunggoh2 hati kepada Persekutuan Tanah Melayu dan mereka akan mengekalkan, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh itu pada hari yang bersejarah ini Beta suka sakalian ra'ayat Beta mengetahui dan faham bahawa Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi piagam hak2 dan kebebasan kita ada-lah sekarang ini berjalan dengan

sa-penoh-nya dan dengan sempurna-nya, dan dengan tertuboh-nya Parlimen ini mengikut Perlembagaan maka telah mula-lah satu zaman baharu bagi Negara kita.

Beta sangat2 berharap supaya bertambah ramai lagi ra'ayat Beta yang akan mengambil peluang dengan segera mengetahui dan memahamkan Perlembagaan kita dan mengetahui serta memahamkan kuasa2 dan peraturan Parlimen kita.

Beta telah mengatakan tadi bahawa kita di-Tanah Melayu ini telah menumpukan usaha kita pada menjalankan dasar2 demokrasi berparlimen. Maka dengan ada-nya Parlimen ini bertambah-lah lagi satu kemajuan yang baharu sa-kali untuk mencapai chita2 demokrasi berparlimen.

Peratoran berparlimen telah terus beratus2 tahun lama-nya ia-itu hasil daripada beberapa fikiran dan pengalaman yang bijaksana. Ada tiga sifat-nya yang besar. Pertama, undang2 hendak-lah di-buat oleh beberapa orang yang di-pilih oleh ra'ayat pada masa yang di-tetapkan dengan jalan undi rahsia. Kedua, pehak yang menjalankan kuasa hendak-lah bertanggong jawab kepada majlis undangan yang di-pilih oleh ra'ayat. Ketiga, dalam Negeri hendak-lah ada pemerintahan yang biasa di-panggil "pemerintahan berundang2". Ketiga2 sifat ini ada di-dapati di-Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini.



▲ Timbalan DYMM Yang di-Pertuan Agong Sultan Hishamuddin Alam Shah Ibni Sultan Alaiiddin Sulaiman Shah diiringi oleh Tunku Abdul Rahman berangkat menuju ke Dewan Parlimen untuk upacara pembukaan Mesyuarat Belanjawan Parlimen Pertama Persekutuan Tanah Melayu pada 25 November 1959




▲ Persidangan Pertama Parlimen Pertama pada 11 September 1959



Persidangan Parlimen 11 September 1959



- ▲ *Hakim-Hakim dan Duta-Duta di persidangan Parlimen Pertama*
- ◀ *Ketua Barisan Sosial Inche Ahmad Boestaman dan Ketua Publisiti UMNO, Syed Jaafar Albar. Syed Jaafar memberitahu para media 'In fact we made up yesterday. We are friends.'* (Gambar NST)





▲ DYMM Tuanku Hishamuddin Alam Shah ibni Al-Marhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah merasmikan Mesyuarat Parlimen pada tahun 1960



◀ Tan Sri Felix De Weldon dilihat dengan karyanya arca Tunku Abdul Rahman yang diempatkan di jalan masuk bangunan Parlimen (Gambar: Astro Negara Malaysia)



AKHAR RABASA KEBANGSAAN MALAYA

BERITA HARIAN

No. 887.

JUMAT AT 11 SEPTEMBER 1959 — 8 RAMADAN 1379.

15 SEN.

Dahulu
Dengan
Berita



Wakil2 Ra'ayat bersumpah setia kpd tanah ayer

HARI BERSEJARAH ESOK

Persiapan
untok hari
membuka
Parlemen

KUALA LUMPUR, Kamis. — Anggota baharu Parlemen dan Dewan Negara esok akan mengangkat sumpah untuk menjunjung tinggi tanah ayer dan memelihara Perlembagaan Persekutuan.

Upacara mengangkat sumpah yang bersejarah itu ada-lah sejurus majlis pendaftaran dari upacara pembukaan yang berlangsung dari Parlemen pada hari Sabtu ini, Yang di-Pertuan Agong.

Sederhana

Upacara mengangkat sumpah untuk membuka Parlimen tidak berlaku dalam suasana resmi dan makmum. Terdapat dua dan anggota Parlemen dan Dewan Negara mengangkat sumpahnya bersempadan di antara dua bangunan kerajaan.

Sejak daripada mengangkat sumpahnya juga akan dilakukan Presiden Dewan Negara dan Speaker untuk menyatakan.

Persidangan kedua, Presiden Dewan Negara dan presiden Dewan Rakyat dan 62 ahli dewan akan berlangsung pada hari Minggu ini. Setiap ahli dewan diwajibkan bertemu dengan wakilnya di dalam Dewan Rakyat.

Wakil-wakil Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang diwajibkan bertemu dengan wakilnya di dalam Dewan Rakyat.

Titah di-Raja

Sebanyak seratus lima puluh ahli dewan dijangka akan diambil sumpah pada hari Minggu ini. Ahli dewan yang diwajibkan bertemu dengan wakilnya di dalam Dewan Rakyat.

Lihat Muka

DUA PERISTIWA BERSEJARAH PADA HARI SABTU KORANG

1—Parlemen di-ramai

'Sampai-lah negeri
ini ka-puchak
perlembagaan-nya'

KUALA LUMPUR, Ahad. — Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah merasmikan pembukaan parlimen Persekutuan Tanah Melayu yang pertama di-sini semalam.

pada itu di-jalankan dengan pesoh istimewa dan kebersemayaan. Selain itu, pada hari ini, Paduka mengangkat sumpah sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Yang di-Pertuan Agong dan Presiden Tanah Melayu yang bertemu di dalam Dewan Rakyat dan Presiden Dewan Negara yang bertemu di dalam Dewan Negara.

Sebelum merasmikan istiadat itu, Pakar Daulat yang bertemu di dalam Dewan Rakyat dan Presiden Tanah Melayu yang bertemu di dalam Dewan Negara mengangkat sumpahnya sebagai Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini adalah perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini adalah perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Kehormatan

Sebelum merasmikan istiadat itu, Pakar Daulat yang bertemu di dalam Dewan Rakyat dan Presiden Tanah Melayu yang bertemu di dalam Dewan Negara mengangkat sumpahnya sebagai Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini adalah perlembagaan yang baru mengangkat di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara.



FIMANDANGAN sa-waktu istiadat yang berlangsung itu di-adakan di-Dewan Tongku Abdul Rahman. — Gambar Berita Harian.

Di-Dewan Negara peroleh rancangan bukti mengangkat kapada Wang Negara. — Sementara itu ahli Sebaliknya yang mengangkat kapada Wang Negara. —

Sebaliknya yang mengangkat kapada Wang Negara. — Sementara itu ahli Sebaliknya yang mengangkat kapada Wang Negara. —

TANGKI di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ibu pebelan istiadat di-malakan.

Semangat wakil2

Tengku Putra Menteri, Tun Razak dan Sultan Ibrahim mengangkat bantahan perlembagaan Dewan Rakyat se-bentuk peringatan sahaja.

Ahli-wakil Dewan Rakyat yang mengangkat bantahan perlembagaan Dewan Rakyat se-bentuk peringatan sahaja.



Siaran media hari pertama Persidangan Pertama Parlimen

wakil SF datang berkemeja, di-tahan masuk ke Dewan

SOAL BAJU JADI HEBOH

*Pulang-lah
lulu ganti
pakaian'
ata Tengku*

KUALA LUMPUR, Jumaat
Parlemen dari Perikatan dan So-
cialist Front telah bertengkar keras pagi
19 minit sebelum persidangan pertama
di Ra'yat atas soal pakaian yang
di-keluarkan untuk persidangan itu.

Tuan Abdul Rahman, terang men-
yatakan Socialist Front itu akan
bermula dengan berpakaian lembut dan
panjang, bahawa mereka akan gi-
ra ma'ok ke Dewan itu kelak sahaja apabila
mereka tidak sempurna.

Sebaliknya orang So-
cialist Front yang ber-
tengkar dan
berpakaian itu ialah
Tuan Tan Phock
(Tanjong), Tuan
Dato' (Bunusari),
Karam Singh
(Kuala Lumpur),
Tuan
P. Lim (Rawang),
Ng Ann Teck
dan Tuan V
Gopan (Sekapang).
Tuan Ahmad Boestamam
merasmi walaupun
Tuan Lim Ke-
berpanas dan ber-
dengung dan ber-
berang.

Mendapat tepok

Di tujuh puluh lima
tempat ia temudang
sejurus pagi, seorang
wakil di galeri depan
ruang janggut orang
Socialist Front itu
kedudukannya di
tempatnya dan
berdua kaki, dan tadi
perlu duduk di
tempatnya.

DATO' Haji Abdul
Rahman dan Moham-
ad Sabtu sebagai per-
wakil Negara dan
DATO' Haji Moham-
ad Noor bin Omar
dari sedua Dras-

ai dan perwakil pd.11

Akhirnya
menerima
sambutan

Tuan Syed Dato'
Abdul Rahman dan Datu'
Ahmad Sabtu
disebut sebagai wakil
Socialist Front itu.
Syed Dato' Abdul
Rahman bila akhirnya
berlepas mengangkat
syahadat UM
Syed Jaffar
dapat selamat te-
liti dan
Dato' Ahmad Sabtu
disebut sebagai wakil
Socialist Front itu.
Syed Dato' Abdul
Rahman dan Dato'
Syed Jaffar bersama-sama
berpakaian sampaikan.

Tuan Tan Phock Kim
(Tanjong) mewakil
disebut mengangkat syahadat

Syed Jaffar.

Bertengkar

Tuan Abdul Rahman
segera wakil mengangkat

Tuan Tan Phock Kim
dan juga seorang wakil
datang. Apakah hasil tuan
untuk menghadapinya
dan temurinya.

Kemudian mereka ber-
tengkar kerana ber-
tengkar.

Tuan Syed Jaffar terus
menyatakan ia punya
tempatnya.

Tuan Ahmad Sabtu
merasa bersalah dan

terus menyatakan ia

tidak bersalah.

★ LIHAT MUKA 10



WAKIL2 raya dari Socialist Front meninggalkan Dewan Tengku Abdu-
man untuk mengganti pakaian mereka. Dari kiri ke kanan, Tuan V. Gopan,
Ng Ann Teck, Tuan Tan Phock Kim berkacha mata, dan Tuan V. Veerappan
Inche Ahmad Boestamam di belakang, dan Tuan Lim Kean Kian. Kehilangan
ketika ia-lah dua orang wakil raya dari Socialist Front yang berpakaian
selepas orang. Gambar Berita Harian.



DUA PEMIMPIN berbual2 sa-lepas mengangkat sumpah
di-Dewan Parlemen semalam. Mereka itu ia-lah Per-
dana Menteri Tengku Abdul Rahman (kanan) dan
Pengerusi PAS Dr. Burhanuddin.—Gambar Berita Harian.

Senarai Ahli Dewan Rakyat

JAWATAN	PENYANDANG	KAWASAN PARLIMEN
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT	Dato' Haji Mohd Noah bin Omar	Johor Bahru Timur
TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT	Tuan Syed Esa bin Alwee	Batu Pahat Dalam

PENANG	MELAKA	
P1 Kawasan : Bagan Nama : Tan Cheng Bee Parti : Perikatan	P9 Kawasan : Bandar Malacca Nama : Tan Kee Gak Parti : Parti Malaya	P16 Kawasan : Tanjung Malim Nama : Lee Seck Fun Parti : Perikatan
P2 Kawasan : Seberang Utara Nama : Haji Ahmad bin Saaid Parti : Perikatan	P10 Kawasan : Malacca Tengah Nama : Tan Siew Sin Parti : Perikatan	P17 Kawasan : Larut Utara Nama : Tajudin bin Ali Parti : Perikatan
P3 Kawasan : Seberang Tengah Nama : Ibrahim bin Abdul Rahman Parti : Perikatan	P11 Kawasan : Malacca Utara Nama : Abdul Ghani bin Ishak Parti : Perikatan	P18 Kawasan : Larut Selatan Nama : Dr. Lim Swee Aun Parti : Perikatan
P4 Kawasan : Seberang Selatan Nama : V. Veerappen Parti : Socialist Front	P12 Kawasan : Malacca Selatan Nama : Hassan bin Mansor Parti : Perikatan	P19 Kawasan : Bruas Nama : Yeoh Tat Beng Parti : Bebas
P5 Kawasan : Tanjung Nama : Tan Phock Kin Parti : Socialist Front	PERAK	P20 Kawasan : Sitiawan Nama : Yong Woo Ming Parti : Perikatan
P6 Kawasan : Dato Kramat Nama : Lim Kean Siew Parti : Socialist Front	P13 Kawasan : Krian Laut Nama : Abdul Rauf bin A. Rahman Parti : Perikatan	P21 Kawasan : Ulu Perak Nama : Mohamed Nor bin Mohd. Dahan Parti : Perikatan
P7 Kawasan : Penang Utara Nama : Geh Chong Keat Parti : Perikatan	P14 Kawasan : Krian Darat Nama : Ahmad bin Haji Yusof Parti : Perikatan	P22 Kawasan : Kuala Kangsar Nama : Haji Abdullah bin Haji Abdul Raof Parti : Perikatan
P8 Kawasan : Penang Selatan Nama : Ismail bin Idris Parti : Perikatan	P15 Kawasan : Batang Padang Nama : Abdul Hamid Khan bin Haji Sakhawat Ali Khan Parti : Perikatan	P23 Kawasan : Parit Nama : Hussein bin Mohd Noordin Parti : Perikatan
		P24 Kawasan : Hilir Perak Nama : Mohamed Abbas bin Ahmad Parti : Perikatan
		P25 Kawasan : Bagan Datoh Nama : Yahya bin Haji Ahmad Parti : Perikatan
		P26 Kawasan : Telok Anson Nama : Woo Saik Hong Parti : Perikatan
		P27 Kawasan : Ipoh Nama : D.R. Seenivasagam Parti : People's Progressive Party (PPP)
		P28 Kawasan : Menglembu Nama : S.P. Seenivasagam Parti : People's Progressive Party (PPP)
		P29 Kawasan : Sungai Siput Nama : Dato' V.T. Sambanthan Parti : Perikatan
		P30 Kawasan : Ulu Kinta Nama : Chan Swee Ho Parti : People Progressive Party (PPP)

P31	P42	PAHANG	P62
Kawasan : Batu Gajah Nama : Khong Kok Yat Parti : People Progressive Party (PPP)	Kawasan : Sepang Nama : Lee Siok Yew Parti : Perikatan	P53 Kawasan : Lipis Nama : Mohamed Sulong bin Mohd. Ali Parti : Perikatan	Kawasan : Johore Bahru Barat Nama : Ahmad bin Mohamed Shah Parti : Perikatan
P32	P43	P54 Kawasan : Raub Nama : Hussein bin Toh Muda Hassan Parti : Perikatan	P63 Kawasan : Pontian Selatan Nama : Hajah Zain binti Sulaiman Parti : Perikatan
Kawasan : Kampar Nama : Leong Kee Nyean Parti : Perikatan	Kawasan : Klang Nama : V. Manickavasagam Parti : Perikatan	P55 Kawasan : Kuala Langat Nama : Abdul Aziz bin Ishak Parti : Perikatan	P64 Kawasan : Pontian Utara Nama : Sardon bin Haji Jubir Parti : Perikatan
SELANGOR	P44 Kawasan : Kapar Nama : Hamzah bin Alang Parti : Perikatan	P56 Kawasan : Bentong Nama : Chan Siang Sun Parti : Perikatan	P65 Kawasan : Kluang Selatan Nama : Chan Chong Wen Parti : Perikatan
P33 Kawasan : Batu Nama : Ng Ann Teck Parti : Socialist Front	P45 Kawasan : Damansara Nama : K. Karam Singh Parti : Socialist Front	P57 Kawasan : Temerloh Nama : Mohamed Yusof bin Mahmud Parti : Perikatan	P66 Kawasan : Kluang Utara Nama : Lee San Choon Parti : Perikatan
P34 Kawasan : Bungsar Nama : V. David Parti : Socialist Front	P46 Kawasan : Bukit bintang Nama : Cheah Theam Swee Parti : Perikatan	P58 Kawasan : Kuantan Nama : Abdul Rahman bin Haji Talib Parti : Perikatan	P67 Kawasan : Batu Pahat Nama : Kang Kok Seng Parti : Perikatan
P35 Kawasan : Setapak Nama : Ahmad Boestamam Parti : Socialist Front	NEGERI SEMBILAN	P59 Kawasan : Jelebu - Jempol Nama : Mohamed bin Ujang Parti : Perikatan	P68 Kawasan : Batu Pahat Dalam Nama : Syed Esa bin Alwee Parti : Perikatan
P36 Kawasan : Ulu Selangor Nama : Ong Yoke Lin Parti : Perikatan	P47 Kawasan : Kuala Pilah Nama : Bahaman bin Samsudin Parti : Perikatan	P60 Kawasan : Port Dickson Nama : T. Mahima Singh Parti : Perikatan	P69 Kawasan : Muar Selatan Nama : Dato' Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman Parti : Perikatan
